



PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA



Perbadanan Kemajuan
Filem Nasional Malaysia

SIDANG PENGARANG	4
PERUTUSAN PENGERUSI	6
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	7
INFORMASI KORPORAT	10
PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	21
CARTA ORGANISASI FINAS	26
PENGERUSI DAN AHLI – AHLI PERBADANAN	30
BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN	36
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN	64
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	78
BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI	92



UNGANGAN



- 116 BAHAGIAN PEMASARAN
- 138 BAHAGIAN GALAKAN PENGGAMBARAN
- 142 BAHAGIAN KEJURUTERAAN
- 148 BAHAGIAN TEKNOLOGI AUDIO VISUAL
- 156 BAHAGIAN PENGURUSAN PRODUKSI
- 168 BAHAGIAN KREATIF DAN TEKNIKAL
- 176 BAHAGIAN MAKMAL
- 184 FINAS CAWANGAN SARAWAK
- 196 UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
- 202 UNIT AUDIT DALAM
- 206 UNIT INTEGRITI
- 210 UNIT MEDIATHEQUE
- 220 PENYATA KEWANGAN FINAS 2019

SIDANG PENGARANG



PENGERUSI

YBrs Encik Zakaria Abdul Hamid



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

YBrs Encik Ahmad Idham Ahmad Nadzri



KETUA EDITOR

Encik Mohd Fazli Abdul Aziz



PASUKAN EDITORIAL

Cik Habibah Zainal Abidin

Cik Drusella Brigit Anak Rijeng

Encik Mohd Saufiddin Poniman

Puan Nur Farhanee Mohd Razali

PERUTUSAN PENGERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



PERUTUSAN

PENGERUSI FINAS

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Syukur kerana diberi kepercayaan dan ruang untuk menerajui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), sebuah agensi berperanan dalam memajukan industri kreatif dan perfileman negara. Mewakili pihak Ahli Perbadanan dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Secara keseluruhannya, tahun 2019 memberi makna besar kerana segala usaha yang dilaksanakan membawa impak positif dalam usaha mencapai visi FINAS sebagai peneraju industri perfileman Malaysia bertaraf antarabangsa.

Tahun 2019 merupakan tahun yang mengujakan bagi FINAS dengan melakukan anjakan paradigma yang besar dalam menyahut pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2019-2023 yang memerlukan komitmen FINAS untuk mengambil pendekatan secara inklusif dan holistik bagi memperbaharui dan memajukan industri kreatif dan perfileman dengan menonjolkan keunikan serta keistimewaan negara ke persada antarabangsa.

Pencapaian FINAS dapat disaksikan melalui pelbagai kejayaan industri perfileman terutamanya pasaran pecah panggung filem tempatan berjaya memperoleh kutipan kasar RM150.68 juta melibatkan 48 buah karya filem yang direkodkan. Kejayaan di dalam negara diteruskan dengan pencapaian 44 buah filem pelbagai genre yang berjaya menembusi pasaran festival filem antarabangsa melalui hampir 90 penyertaan, tayangan, pencalonan dan 23 daripadanya berjaya meraih kemenangan. Lebih membanggakan, 6 buah filem Malaysia juga dinobat sebagai Filem Terbaik di peringkat antarabangsa dalam genre masing-masing.

Akhir bicara, saya mewakili Ahli Perbadanan merakamkan jutaan penghargaan kepada KKMM, penggiat industri, pemegang taruh dan penjawat FINAS yang telah menyumbang ke arah memacu industri perfileman Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Salam hormat,



YBrs. Encik Zakaria Abdul Hamid
Pengerusi FINAS

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF FINAS

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Saya mewakili pihak Pengurusan dan seluruh anggota Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) sentiasa mendukung segala aspirasi dan strategi dalam usaha pengukuhan industri tempatan dan memacu industri perfileman Malaysia ke peringkat antarabangsa. Selaku badan peneraju industri perfileman di bawah perundangan Akta 244, FINAS komited dalam melaksanakan fungsi-fungsi utama dalam menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman di Malaysia melalui pemerkasaan perkhidmatan serta kemudahan yang cekap meliputi aspek perlesenan dan penguatkuasaan, pemasaran, latihan, dana dan insentif, kemudahan studio dan fasiliti, pelaburan, restorasi dan khazanah, produksi, penyelidikan dan lain-lain.

Pihak Pengurusan, anggota Perbadanan dan seluruh penjawat FINAS sentiasa komited dalam memperkasakan pengurusan organisasi dan perkhidmatan merangkumi pengurusan kewangan, audit, integriti, modal insan serta keberkesanan penyampaian bagi memastikan objektif penubuhan FINAS sebagai badan peneraju industri perfileman Malaysia bertaraf antarabangsa dapat direalisasikan. FINAS menghargai segala peranan yang dinamik daripada semua pihak termasuk penggiat seni dan industri yang diterjemahkan melalui sokongan dan kerjasama dalam memajukan industri perfileman tempatan.

Saya yang menjalankan amanah,



YBrs. Encik Ahmad Idham Ahmad Nadzri
Ketua Pegawai Eksekutif FINAS







**INFORMASI
KORPORAT**



9 JULAI 1974

Mesyuarat Jemaah Menteri di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak yang diadakan memandang berat tentang masalah perusahaan perfilaman di Malaysia di dalam konteks jenis filem-filem yang ditayangkan di panggung-panggung di Malaysia dengan keadaan serta struktur perusahaan filem. Justeru, satu Jawatankuasa Bertugas Mengenai Industri Perfileman (*Task Force on Film Industry*) ditubuhkan oleh Bahagian Perancangan Am di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi mengkaji perusahaan perfilaman di Malaysia secara keseluruhan dan memberi cadangan dan langkah penyelesaian.

Laporan pasukan petugas telah mengkaji tiga aspek utama perusahaan filem tempatan iaitu penayangan, pengedaran dan

pengeluaran dengan cabaran cabaran utama iaitu:

- a) Monopoli oleh syarikat pengusahaan asing iaitu Shaw Brothers dan Cathay Organization bagi pengawalan tayangan, pawagam serta pengedaran filem asing di Malaysia;
- b) Pengeluar filem tempatan tidak mempunyai peluang akibat monopoli dan sistem perusahaan yang memberi keuntungan kepada pihak asing;
- c) Lambakan filem asing dan import yang mengetengahkan budaya asing menjaskan usaha kerajaan di dalam menjana perpaduan nasional;
- d) Tiada perlindungan kepada pengusaha filem dan pengedar tempatan seperti yang dibuat negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Filipina.

23 APRIL 1975

Mesyuarat Jemaah Menteri pada secara prinsipnya bersetuju dengan maklumbalas hasil kajian Jawatankuasa Petugas tersebut, di salah satu hasil cadangannya ialah penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional yang bertujuan memastikan industri perfilaman berkembang sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru dan nilai moraliti dan kebudayaan Malaysia selain fungsi-fungsi seperti:

- i) memastikan filem-filem untuk tayangan umum sesuai dengan keperibadian dan nilai-nilai kebangsaan;
- ii) mengadakan undang-undang untuk kebaikan industri filem;
- iii) menyediakan kemudahan untuk mengembangkan industri perfilaman dalam peringkat kebangsaan dan antarabangsa;

**Foto Ibu Pejabat FINAS Lama:**

Pada 1 SEPTEMBER 1984, FINAS berpindah ke No. 198, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

- iv) mengemukakan syor-syor kepada Menteri tentang cara-cara meninggikan dan membesarkan industri profileman;
- v) memastikan cara dan sistem pengeluaran, pengedaran dan penayangan filem-filem yang sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru;
- vi) menyelaras aktiviti-aktiviti pengeluaran, pengedaran dan penayangan filem-filem;
- vii) lain-lain fungsi yang perlu dan mustahak untuk kebaikan industri filem.

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh sama juga mengarahkan kedudukan dan fungsi Filem Negara Malaysia di bawah Kementerian Penerangan dikaji dan diputuskan sebelum Rang Undang-Undang Perbadanan Filem Nasional Malaysia diluluskan di Parlimen. Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Menteri YB. Datuk Haji Hamzah bin Haji Abu Samah telah menjadi penyelaras bagi mengambil langkah menyelaras edaran deraf Rang Undang-Undang bagi maksud penubuhan Perbadanan tersebut dan berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan cadangan atau ulasan mereka.

21 OKTOBER 1976

Deraf Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1976 (*National Film Development Corporation of Malaysia Act 1976*) telah dikemukakan oleh Peguam Negara kepada Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Ia adalah berasaskan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1972.

1 APRIL 1977

Perbincangan di antara YB. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Haji Hamzah Abu Samah dan YB. Menteri Penerangan, Datuk Amar Taib Mahmud berkaitan perkara penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, kedudukan Filem Negara dan bentuk Rang Undang-Undang Perbadanan Kemajuan Filem Negara Malaysia 1977 yang dirangka Jabatan Peguam Negara (mengambil kira penggabungan fungsi Filem Negara ke dalam Perbadanan). Ia memberi input cadangan kepada kerajaan samada sesuai atau tidak penyerapan Filem Negara ke dalam Perbadanan yang akan ditubuhkan berdasarkan perbezaan fungsi dan peranan.

22 FEBRUARI 1978

Mesyuarat Jemaah Menteri telah menimbangkan Kertas Bil.82/1124/78 berkenaan penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan memberi maklumbalas agar kajian lebih mendalam dibuat khususnya monopoli oleh syarikat Cathay dan Shaw Brothers di dalam soal penyebaran dan pemilikan wayang gambar. Kertas ini ditarik balik dan dikaji semula untuk pertimbangan Jemaah Menteri di masa akan datang.

9 DISEMBER 1978

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, YAB. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengadakan dialog bersama pihak pengeluar dan pengedar bumiputera bagi mendapatkan

pandangan, cadangan dan maklumbalas tentang langkah-langkah kerajaan di dalam membantu pengusaha filem tempatan. Perkara berkaitan fungsi Perbadanan yang akan ditubuhkan turut dibincangkan bagi meminda dan memperbaiki Akta Perbadanan sebelum ianya dilaksanakan.

dalam memperkasakan penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan di dalam aktiviti perfileman dan seterusnya menjana ekonomi baru tanpa monopoli satu-satu syarikat sahaja.

26 JULAI 1980

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan Filem Nasional yang dipengerusikan oleh Yang Arif Hakim Dato' Abdul Hamid Omar bagi merangka perlembagaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia serta diamanahkan menjalankan tugas-tugas awal Perbadanan, merangka dan merancang penubuhan Perbadanan serta merangka Akta 244 untuk kelulusan Parlimen.




FOTO BANGUNAN FINAS: Pada 19 DISEMBER 1988, FINAS beroperasi secara rasmi di Kompleks Studio Merdeka, Hulu Kelang

4 JUN 1979

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, YAB. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengadakan dialog bersama pihak Cathay and Shaw Brothers bagi membincangkan isu monopoli syarikat asing di dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran dan penayangan serta menyatakan hasrat kerajaan di

12 DISEMBER 1980 & 9 JANUARI 1981

Rang Undang-Undang menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 12 Disember 1980 oleh YB. Dato' Lew Sip Hon, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia dan kemudiannya diluluskan di Dewan Negara pada 9 Januari 1981.

12 & 19 FEBRUARI 1981

Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah mendapat persetujuan Diraja pada 12 Februari 1981 dan diterbitkan di dalam warta pada 19 Februari 1981.

28 MAC 1981

YAB. Datuk Seri Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah bersetuju untuk pelantikan YBhg. Tan Sri Dato' Abdul Samad Idris sebagai Pengerusi Perbadanan dan nama-nama Ahli Lembaga yang dicadangkan beserta En. Ismail Zain, Pengarah Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan dan Sukan yang telah diberi *secondment* sebagai Ketua Pengarah untuk tempoh dua tahun.

7 APRIL 1981

Surat tawaran Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga melalui persetujuan YAB. Datuk Seri Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah dikeluarkan secara rasmi.

1 MEI 1981

Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 dikuatkuasakan kesemua peruntukan di dalamnya (kecuali Bahagian V) di seluruh Malaysia dan pemberitahuan ini disiarkan di dalam Warta Kerajaan bagi membolehkan ia berfungsi dan berkuatkuasa.

1 JUN 1981

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah ditubuhkan secara rasminya selaras dengan tarikh rasmi pelantikan Pengerusi YBhg. Tan Sri Dato' Abdul Samad Idris, En. Ismail Zain, Timbalan Pengerusi merangkap Ketua Pengarah, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan jawatan-jawatan lain yang berkuatkuasa.

18 JUN 1981

Mesyuarat pertama Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan pelancaran FINAS pada jam 3.00 petang di Bilik Gerakan Tingkat 4, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang dipengerusikan oleh YAB. Datuk Seri Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

28 JUN 1981

Iklan pengisian jawatan bagi Akauntan, Jurutera Eletrik, Pegawai Tadbir, Pembantu Teknik dan Pegawai Kerja di akhbar.

7-17 SEPTEMBER 1981

Sesi temuduga bagi jawatan pegawai dan kakitangan FINAS. Kelulusan jawatan adalah sebanyak 12 orang kumpulan A, 1 orang dari kumpulan B, 13 orang dari kumpulan C dan 11 orang dari kumpulan D.

15 OKTOBER 1981

Kumpulan pertama penjawat FINAS bertugas secara rasmi di premis No.7, Jalan Ampang Hilir, ketika itu FINAS bernaung di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia.

1 NOVEMBER 1981

FINAS beroperasi dengan pengisian lebih 70% anggota pentadbiran melalui peruntukan mengurus oleh kerajaan sebanyak

RM869,200.00 dan sebanyak RM17 juta bagi rancangan pembangunan di bawah RMK Ke-4.

1 SEPTEMBER 1984

Premis FINAS berpindah ke No. 198, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

15 SEPTEMBER 1984

Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Pindaan 1984 telah diwartakan dan pelaksanaannya pada tahun 1985 bagi membolehkan FINAS melesenkan syarikat-syarikat yang bergiat dalam sektor pengeluaran, pengedaran dan pemameran.

16 OKTOBER 1986

FINAS bernaung di bawah Kementerian Penerangan Malaysia.

19 DISEMBER 1988

FINAS beroperasi secara rasmi di Kompleks Studio Merdeka, Hulu Kelang.

16 JUN 1992

FINAS Wilayah Utara telah dirasmikan oleh YAB. Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

27 MAC 2004

FINAS bernaung di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA).

18 MAC 2008

FINAS bernaung di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW).

9 APRIL 2009

FINAS bernaung di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK).

6 APRIL 2012

Memorandum Jemaah Menteri No. M235/2012 telah bersetuju dengan cadangan penggabungan FINAS dan Filem Negara Malaysia (FNM) yang diterajui oleh FINAS - Akta 244 dipinda.

1 JANUARI 2013

FINAS dan Filem Negara Malaysia bergabung secara rasmi.

15 MEI 2013

FINAS bernaung di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

Rujukan Data

1. Laporan Tahunan FINAS 1981-2018
2. Arkib Negara (Hari Ini Dalam Sejarah)
3. Suara FINAS Bilangan 1 Tahun 1991
4. Fail Perbadanan Filem Nasional T&I (DT)012/7 1977-1981



Bangunan Kompleks Studio Merdeka, Jalan Hulu Kelang, Ampang, Selangor



Bangunan Studio Digital Mix Stage ketika dirasmikan pada 1 Februari 2009

OBJEKTIF, VISI, MISI DAN TERAS




MENGGALAK, MEMELIHARA DAN MEMUDAHKAN KEMAJUAN INDUSTRI PERFILEMAN MALAYSIA



STRATEGI	STRATEGI	STRATEGI	STRATEGI
<ul style="list-style-type: none"> • Penerbitan Kandungan Berkualiti • Promosi dan Pemasaran • Pelaburan (<i>Inward Investment</i>) • Kerjasama Produksi 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Fasiliti, Teknologi dan Infrastruktur • Pembangunan Data dan Penyelidikan Industri • Pembangunan Khazanah dan Warisan • Pembangunan Komunikasi • Pentadbiran dan Perundangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemerkasaan Karyawan Baharu dan Profesional • Pemerkasaan Ilmu dan Profesional 	<ul style="list-style-type: none"> • Galakan dan Sokongan • Pembangunan Komuniti Filem

TAKRIFAN LOGO FINAS



**FINAS BEROPERASI SECARA RASMI PADA 1 JUN 1981
DI BAWAH AKTA 244 AKTA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM
NASIONAL MALAYSIA 1981 (PINDAAN 2013)**

“Suatu Akta untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan profileman Malaysia, menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang perlu, yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya.”

MENGGALAK	MEMELIHARA	MEMUDAHKAN
Dana dan Insentif	Skim Wajib Tayang	Data dan Sistem
Modal Insan	Pelesenan dan Penguatkuasaan	Produksi
Pelaburan dan Pemasaran	Restorasi dan Arkib	Teknologi
		Infrastruktur


TAKRIF FILEM

Termasuk filem cerita, filem pendek, filem subjek ringkas, dokumentari, filem kecil dan apa-apa rakaman pada apa-apa jenis bahan, termasuk pita video dan ceper video berupa arca bergerak sama ada disertai dengan bunyi atau tidak, untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai.

TAKRIF PERUSAHAAN PROFILEMAN

Termasuk aktiviti-aktiviti mengeluar, mengedar dan mempamerkan filem yang dijalankan di Malaysia.

TIGA (3) AKTIVITI UTAMA PROFILEMAN DI BAWAH AKTA 244



TUGAS PERBADANAN MERUJUK KEPADA AKTA 244 AKTA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (PINDAAN 2013) SEKSYEN 6 (1)



**KUASA-KUASA PERBADANAN (AKTA 244) PERBADANAN
KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA 1981
(PINDAAN 2013) SEKSYEN 6 (2)**

- | | |
|---|--|
| <p>a) Untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan atau pertubuhan perbadanan atau orang perseorangan dalam menjalankan tinjauan dan kajian berkenaan dengan perusahaan profileman dan dalam menjalankan kajian kemungkinan bagi memajukan perusahaan profileman tempatan</p> | <p>b) Untuk mengadakan kemudahan latihan dan untuk mengawas dan menyelia pelaksanaan projek dan program latihan berhubung dengan perusahaan profileman</p> |
| <p>c) Untuk mengadakan atau membantu dalam pengeluaran perkhidmatan, kemudahan dan peralatan profileman untuk pengeluar, pengedaran dan pempamer filem dan pemunya dewan wayang gambar</p> | <p>d) Untuk menerima sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberi olehnya, apa-apa komisen atau bayaran yang dipersetujui</p> |
| <p>e) Untuk memberi bantuan kewangan melalui pinjaman, kemudahan kredit, geran, pelaburan atau apa-apa bentuk bantuan kewangan lain dan mengambil bahagian dalam pengeluaran filem</p> | <p>f) Untuk menetap dan melevi fi atau bayaran lain berhubung dengan pelaksanaan tugasnya dan perjalanan kuasanya di bawah Akta ini</p> |
| <p>g) Untuk mengambil bahagian dalam pertubuhan antarabangsa yang berkaitan dengan perusahaan profileman dan untuk mengadakan, menganjur dan mengambil bahagian dalam pesta, pameran dan seminar filem atau apa-apa aktiviti yang seumpamanya di dalam dan di luar Malaysia</p> | <p>h) Untuk menubuhkan institusi, pusat-pusat kecil dan bengkel untuk menjalankan penyelidikan dan aktiviti lain yang perlu bagi atau yang berkaitan dengan kemajuan perusahaan profileman</p> |
| <p>i) Untuk mengadakan dorongan bagi perusahaan profileman</p> | <p>j) Untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai pelbagai aspek perusahaan profileman</p> |
| <p>k) Mengeluarkan rakaman liputan peristiwa bagi maksud arkib atau mengeluarkan apa-apa filem atau rakaman yang Kerajaan fikirkan perlu bagi maksud penyelidikan, penerangan, seni, budaya dan perkara lain yang disyorkan oleh Perbadanan</p> | <p>l) Untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri</p> |

PENCAPAIAN KPI PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA 2019

 TERAS 1 MEMACU INDUSTRI PERFILEMAN MALAYSIA KE PERINGKAT ANTARABANGSA		STRATEGI		
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN 2019	PENCAPAIAN 2019
PENERBITAN KANDUNGAN BERKUALITI	Penerbitan Promo	Jumlah Projek Diterbitkan	25 Tajuk	48 Tajuk
	Penerbitan Dokumentari		5 Tajuk	8 Tajuk
	Video Pendek		10 Tajuk	10 Tajuk
	Dokumentasi (Liputan Arkib)		100 Tajuk	150 Tajuk
	FINAS Sarawak: Penerbitan Dokumentari Promo / PSA Liputan Arkib Hasil Sewaan	Jumlah Projek Diterbitkan	2 3 50 -	3 4 79 -
	Dana Kandungan Digital (DKD) – Kelulusan - Dana Mikro - Dana Produksi - Dana Pemasaran	Jumlah Projek Memperoleh Dana	100 Projek 37 Projek 15 Projek	58 Projek 82 Projek 7 Projek
	Hasil Eksport Kandungan Kreatif Tempatan Di Luar Negara	Nilai Hasil Jualan	RM70juta	RM68.93 juta
PROMOSI DAN PEMASARAN	Nilai Pelaburan syarikat produksi (luar & dalam negara) di Malaysia di bawah <i>Film in Malaysia Incentive (FIMI)</i> (RM juta) (QMPE)	Jumlah Pelaburan QMPE	RM120 juta	RM122.53 juta
	Jumlah Pekerjaan di diwujudkan		-	-
PELABURAN (INWARD INVESTMENT)	Hasil Sewaan Fasiliti	Jumlah Hasil Sewaan Diterima	RM250,000	RM273,064.60 (Ketara) RM489,090.00 (Tidak Ketara)


		TERAS 2		STRATEGI
		MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN YANG CEKAP DAN BERKESAN		
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN 2019	PENCAPAIAN 2019
PEMBANGUNAN FASILITI, TEKNOLOGI DAN INFRASTRUKTUR	Penyelenggaraan Semula Studio Digital Mixstage	Peratus Sasaran Penyelenggaraan	-	-
	Penyediaan Kemudahan <i>Editing, Dubbing</i> DII	Peratus Sasaran Penyediaan	-	-
	Capaian Kandungan Arkib	Jumlah Judul Alihan	500 judul 300 jam	572 judul 334 jam
	Tempahan Alihan Bahan Arkib FINAS	Jumlah Tempahan Alihan	100	58
	Kawalan Mutu kualiti video FINAS	Jumlah Judul	300 judul 200 jam	284 judul 287 jam
	Kepuasan Pelanggan	Peratus Kepuasan Pelanggan	85%	100%
	Bilangan Sokongan teknikal Aktiviti Dalaman	Jumlah Sokongan Aktiviti Teknikal	700	580
PEMBANGUNAN DATA & PENYELIDIKAN INDUSTRI	Penerbitan Buku	Jumlah Penerbitan Buku	3 Buah Buku	3 Buah Buku
	Sesi <i>Townhall</i> FINAS bersama Industri	Bilangan Sesi <i>Townhall</i> Dianjurkan	1 Kali	1 Kali
	Laporan data Industri & Organisasi	Jumlah Pelaporan Data Industri & Organisasi	4 Kali	4 Kali
	Analisa Pemameran Filem	Bilangan Analisa Pemameran Filem	12 Kali	12 Kali

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN 2019	PENCAPAIAN 2019
PEMBANGUNAN KHAZANAH & WARISAN	Perkhidmatan Alihan Digital	Jumlah Jam Alihan	96 Jam	61 Jam
	Jaringan Industri	Jumlah Lawatan	12 Lawatan	12 Lawatan
	Pemeliharaan Koleksi Audio Visual	Bilangan Can	3,000 Can	3,080 Can
	Pembangunan Prasarana Ilmu Dan Maklumat - Pelawat Ke Pangkalan Sistem	Jumlah Pelawat Ke Pangkalan Sistem	9,600	11,439
	Promosi Koleksi Dan Perkhidmatan - Lawatan Berpandu	Jumlah Lawatan Disasarkan	36 Lawatan	37 Lawatan
	Dokumentasi & Penyediaan Perkhidmatan - Tajuk Perolehan Bahan AV	Bilangan Tajuk Perolehan	200 Tajuk	279 Tajuk
	Hebahan Kandungan Organisasi Dan Industri Di Media Sosial FINAS	Jumlah Hebahan Kandungan	500 Kali	500 Kali
PEMBANGUNAN KOMUNIKASI	Pengurusan Aduan, Pertanyaan Dan Maklum Balas Industri	Bilangan Aduan, Pertanyaan Dan Maklumbalas Industri	50 Kali	200 Kali
	Program Jaringan Industri	Bilangan Program	10 Kali	15 Kali
PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG	Pengurusan Organisasi - Pengisian Perjawatan	Peratus Pengisian Perjawatan	95%	100%
	Pemerkasaan Pengurusan Integriti - Penyelesaian Kes Tindakan Tatatertib Mengikut Akta 605	Jumlah Penyelesaian Kes	2 Kali	2 Kali
	- Pemantauan Pematuhan Tadbir Urus	Jumlah Pemantauan	2 Kali	6 Kali
	- Hebahan Informasi Integriti	Jumlah Hebahan	6 Kali	6 Kali

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN 2019	PENCAPAIAN 2019
PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG	Pemerkasaan Pelesenan Dan Penguatkuasaan - Pemeriksaan Lesen - Lucut Hak Deposit - Pemantauan Penggambaran Untuk Penerima Dana	Jumlah Pemeriksaan Jumlah Nilai Pelucutan Deposit Bilangan Pemantauan	2,000 Kali RM1 Juta 85 Kali	2,751 Kali RM1.24 Juta 58 Kali
	Pemerkasaan Pengurusan Audit - Sijil Ketua Audit Negara - Mesyuarat Jawatankuasa Audit	Tahap Pencapaian Skan Bilangan Mesyuarat Jkuasa Audit	Berteguran	Berteguran


TERAS 3	STRATEGI
	<ul style="list-style-type: none"> • Pemerkasaan Karyawan Baharu dan Profesional • Pemerkasaan Ilmu dan Profesional


STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN 2019	PENCAPAIAN 2019
PEMERKASAAN KARYAWAN BAHARU PROFESIONAL	Program Pemacuan Bilangan Program	Bilangan Program	4	1
	Bilangan Peserta	Bilangan Peserta	30	254
	Program Pembangunan Kemahiran Bilangan Program	Bilangan Program	18	35
	Bilangan Peserta	Bilangan Peserta	600	1,296
	Program Perkongsian Idea Bilangan Program	Bilangan Program	12	8
	Bilangan Peserta	Bilangan Peserta	500	977
	Program Kesedaran Kreatif Bilangan Program	Bilangan Program	12	4
	Bilangan Peserta	Bilangan Peserta	600	203




STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN 2019	PENCAPAIAN 2019
GALAKAN DAN SOKONGAN	Skim Wajib Tayang (SWT)			
	Filem Yang Ditayang	Bilangan Filem	50	45
	Kutipan Kasar (RM)	Jumlah Kutipan Kasar	RM70 juta	RM134.9 juta
	Pemberian Insentif Tayangan Filem Cerea (ITFC)			
	Judul Filem	Jumlah Filem	50	28
PEMBANGUNAN KOMUNITI FILEM	Bilangan Syarikat	Jumlah Syarikat	30	28
	Jaringan Promosi Bersama Komuniti	Jumlah Promosi	15 Program	23 Program

CARTA ORGANISASI FINAS 2019









PENGERUSI DAN AHLI-AHLI PERBADANAN



PROFIL PENGERUSI DAN AHLI-AHLI PERBADANAN



◎ **YBHG. DATO' SAMSUNI MOHD NOR**
Pengerusi FINAS

TEMPOH LANTIKAN

25 Oktober 2018 – 24 Januari 2019

(Lantikan Pertama)

25 Januari 2019 – 28 Februari 2019

(Lantikan Semula)

1 Mac 2019 – 7 April 2019

(Lantikan Semula)



◎ **YBHG. DATO' GERALD HANS ISAAC**

Pengerusi FINAS

TEMPOH LANTIKAN

8 April 2019 – 22 Mei 2020



◎ **ENCIK AFFENDY ALI DALLY**
Timbalan Pengerusi

TEMPOH LANTIKAN

25 Oktober 2018 – 22 Mei 2020

YBHG. DATO' DR. MOHD ALI MOHAMAD NOR

Ahli Perbadanan

TEMPOH LANTIKAN

5 Julai 2018 – 15 Mac 2019

Wakil Ketua Setiausaha

**Kementerian Komunikasi dan
Multimedia Malaysia.**



YBHG. DATO' SURIANI DATO' AHMAD

Ahli Perbadanan

TEMPOH LANTIKAN

19 Julai 2019 – 22 Mei 2020

Wakil Ketua Setiausaha

**Kementerian Komunikasi dan
Multimedia Malaysia.**



PUAN SITI JURIANI JALALUDDIN

Ahli Perbadanan

TEMPOH LANTIKAN

22 Ogos 2017 – 8 Jun 2020

Wakil Ketua Setiausaha

Kementerian Kewangan Malaysia





YBHG. DATO' FEIZAL MUSTAPA

Ahli Perbadanan

TEMPOH LANTIKAN

13 Mei 2019 – 22 Mei 2020



ENCIK MOHAN RAO A/L SIMANCHA

Ahli Perbadanan

TEMPOH LANTIKAN

25 Oktober 2018 – 22 Mei 2020



PUAN SALWAH ABDUL SHUKOR

Ahli Perbadanan

TEMPOH LANTIKAN

25 Oktober 2018 – 22 Mei 2020

ENCIK ANDREW TAI WUI CHARNG

Ahli Perbadanan

TEMPOH LANTIKAN

16 November 2018 – 22 Mei 2020



ENCIK ABDUL RASHID KARIM MOHD RAZHA

Ahli Perbadanan

TEMPOH LANTIKAN

14 November 2018 – 22 Mei 2020



ENCIK ONN NORSHAL HAMZAH

Ahli Perbadanan

TEMPOH LANTIKAN

25 Oktober 2018 – 22 Mei 2020





BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN

- » **UNIT DASAR**
- » **UNIT PERANCANGAN**
- » **UNIT PENYELIDIKAN**



UNIT DASAR

LATAR BELAKANG

Unit Dasar merupakan Unit di bawah Bahagian Dasar dan Perancangan yang terdiri daripada seorang Ketua Penolong Pengarah Gred N48, seorang Penolong Pengarah Gred N41, 2 orang Pegawai Eksekutif Gred N29 dan 2 orang Pembantu Tadbir / Perkeranian Gred N19.

OBJEKTIF UNIT DASAR

Menjadi '*Think Tank*' (perancang & pemikir) dan '*Strategic Integrator*' (penghubung strategik) bagi perancangan, penyelidikan dan pelaksanaan sesuatu dasar / program / projek oleh FINAS sebagai organisasi yang menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman Malaysia.

FUNGSI UNIT DASAR

Fungsi dan bidang tugas Unit Dasar adalah seperti berikut:-

- i. Pengurusan jaringan data dan pengantara rasmi FINAS bersama pelanggan (Parlimen, KKMM, EPU, NKEA, Pemandu, Kerajaan Negeri, Badan Kerajaan)
- ii. Pengurusan dan penyelarasan data Petunjuk Prestasi Utama (KPI) FINAS
- iii. Pengurusan dan penyelarasan berkaitan Akta dan perundungan
- iv. Pengurusan dan penyelarasan pembangunan dasar-dasar perfileman dan industri kreatif
- v. Pengurusan dan penyelarasan bahan / dokumen untuk taklimat rasmi FINAS
- vi. Pengurusan dan penyelarasan Pelan Strategik Jangka Panjang FINAS
- vii. Urus setia bagi Hal Ehwal Panel Penasihat Industri FINAS
- viii. Urus setia Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FINAS
- ix. Urus setia FINAS bagi Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KKMM
- x. Urus setia FINAS bagi Mesyuarat Pasca Kabinet KKMM
- xi. Pengantara Urusan Parlimen (Peringkat FINAS)
- xii. Urus setia FINAS bagi Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Dasar Kementerian (JKPD)
- xiii. Arahan dari semasa ke semasa

URUSAN PARLIMEN

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA PENGGAL KEDUA PARLIMEN KEEMPAT BELAS

BIL.	PERSIDANGAN PARLIMEN	TARIKH PERSIDANGAN
DEWAN RAKYAT		
1.	Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14	11 Mac – 11 April 2019
2.	Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Ke-14	1 Julai – 18 Julai 2019
3.	Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Ke-14	7 Oktober – 5 Disember 2019
DEWAN NEGARA		
1.	Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14	22 April – 9 Mei 2019
2.	Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Ke-14	22 Julai – 31 Julai 2019
3.	Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Ke-14	9 Disember – 19 Disember 2019

SENARAI PROGRAM DAN AKTIVITI

Mesyuarat / Persidangan yang telah dihadiri oleh Unit Dasar berkaitan urusan Parlimen seperti berikut:-

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Pra-Penyelarasan Jawapan Parlimen bersama TKSU (O)	28 Februari 2019	KKMM
2.	Mesyuarat Pra-Penyelarasan Jawapan Parlimen bersama YBTM KKMM	7 Mac 2019	KKMM
3.	Mesyuarat Penyelarasan Teks Penggulungan Titah Diraja Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14 bersama TKSU (D)	26 Mac 2019	KKMM
4.	Mesyuarat Penyelarasan Teks Penggulungan Titah Diraja Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14 bersama YB Menteri	26 Mac 2019	Bangunan Sementara Parlimen
5.	Sesi Penggulungan Titah Diraja pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14	27 Mac 2019	Parlimen

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
6.	Mesyuarat Pra-Penyelarasan Pertanyaan Dewan Negara Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14 bersama YBrs TKSU(D)	11 April 2019	KKMM
7.	Mesyuarat Pra-Penyelarasan Pertanyaan Dewan Negara Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14 bersama YB Timbalan Menteri jam 3.00 petang	16 April 2019	KKMM
8.	Mesyuarat Penyelarasan Teks Jawapan Dewan Negara bersama YBTM	29 April 2019	RTM
9.	Sesi Penggulungan Perbahasan Titah Diraja Dewan Negara	30 April 2019	Parlimen
10.	Mesyuarat Pra-Penyelarasan Pertanyaan Dewan Rakyat Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Ke-14 Bersama Dr. Yasmeen, SUB Dasar dan Perancangan Strategik	27 September 2019	KKMM
11.	Mesyuarat Penyelarasan Pertanyaan Dewan Rakyat Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Ke-14 Bersama YBTM	3 Oktober 2019	KKMM
12.	Mesyuarat Pra-Penyelarasan Perbahasan Penggulungan Bajet KKMM 2020 Dewan Rakyat	20 November 2019	KKMM
13.	Mesyuarat Penyelarasan Dokumentasi Penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan KKMM Tahun 2020 di Dewan Rakyat (Peringkat Jawatankuasa) bersama YB Timbalan Menteri	25 November 2019	RTM
14.	Mesyuarat Pra-Penyelarasan Pertanyaan Dewan Negara Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Ke-14	27 November 2019	KKMM
15.	Sesi Penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan KKMM Tahun 2020 di Dewan Rakyat (Peringkat Jawatankuasa) bersama YB Timbalan Menteri	26 November 2019	Parlimen
16.	Mesyuarat Penyelarasan Pertanyaan Dewan Negara Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Ke-14 bersama YB Menteri KKMM	5 Disember 2019	RTM

URUS SETIA PANEL PENASIHAT INDUSTRI FINAS

Melalui perbincangan tertutup bertarikh 19 November 2018 di antara YB Menteri KKMM dan Ahli-Ahli Perbadanan FINAS, YB Menteri telah membuat keputusan melantik Panel Penasihat Industri bagi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) demi memperkasakan lagi kemajuan industri filem tempatan.

SKOP DAN FUNGSI PANEL PENASIHAT INDUSTRI

Panel Penasihat Industri bagi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) adalah Panel Bukan Eksekutif yang dilantik oleh Ahli Perbadanan FINAS berdasarkan kepakaran industri yang diiktiraf dengan fungsi dan tanggungjawab seperti berikut:

- i) Membantu Ahli Perbadanan dalam membuat perancangan strategik yang merangkumi aspek sumber manusia dan latihan, kewangan, projek industri, pelaburan serta pemasaran yang mensasarkan manfaat dan kepentingan kepada pembangunan industri dalam jangka masa pendek dan akan datang;

- ii) Memangkin usaha bagi kerjasama strategik untuk pembangunan industri bersama pihak berkaitan dalam industri dan FINAS;
- iii) Mengikut keperluan semasa, berperanan bersama bahagian yang berkaitan untuk menyediakan laporan kepada Ahli Perbadanan, mengikut terma-terma pengurusan yang dinyatakan secara spesifik;
- iv) Menjadi Ahli Rasmi dalam Mesyuarat Panel Penasihat FINAS bersama Ahli Perbadanan dengan kehadiran mesyuarat adalah TANGGUNGJAWAB UTAMA. Tanggungjawab kehadiran ini juga digunakan bagi setiap perkara dan program yang diklasifikasi sebagai Urusan Rasmi oleh Ahli Perbadanan yang akan dinyatakan berdasarkan keperluan semasa; dan
- v) Berperanan sebagai profesional industri untuk membantu menjayakan setiap resolusi yang diputuskan oleh Ahli Perbadanan sepanjang tempoh lantikan sebagai Panel Penasihat Industri FINAS.

Seramai 10 orang telah dilantik sebagai Panel Penasihat FINAS di bawah kepakaran masing-masing dalam industri kreatif seperti berikut:-

BIL.	NAMA
1.	Encik Ku Mohamad Haris bin Ku Sulong
2.	Encik Shanhey Kumar Perumal
3.	Encik Nasrul Suhaimin bin Saifuddin (Bront Palarae)
4.	Encik Mohamad Ghazali bin Jeman
5.	Encik Mohamed Harun Abdul Rahman
6.	Cik Anna Har Mei-Yoke
7.	Cik Siti Nadira Ilana binti Johan Arriffin
8.	Encik Wee Meng Hee
9.	Encik Adrian Teh
10.	Puan Juhaidah Joemin

Beberapa siri Mesyuarat dan perjumpaan telah diadakan seperti berikut:-

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat YB Menteri bersama Ahli Perbadanan dan Panel Penasihat Industri	19 Februari 2019	FINAS Petaling Jaya
2.	Mesyuarat Ahli Perbadanan bersama Panel Penasihat Industri	4 Mac 2019	FINAS Hulu Kelang
3.	Mesyuarat Panel Penasihat Industri FINAS Bil. 3/2019	6 Mei 2019	FINAS Hulu Kelang
4.	Perbincangan hala tuju dan Pembangunan Industri Kreatif Sabah dan Sarawak	21 Jun 2019	FINAS Hulu Kelang
5.	Mesyuarat Panel Penasihat Industri FINAS Bil. 4/2019	25 Jun 2019	FINAS Hulu Kelang
6.	Mesyuarat Khas bersama YBM KKMM bersama Ahli Perbadanan dan Panel Penasihat Industri	27 Jun 2019	FINAS Petaling Jaya
7.	Perbincangan Panel Penasihat Industri	4 Julai 2019	FINAS Petaling Jaya
8.	Mesyuarat Panel Penasihat Industri Bil. 5/2019	12 Julai 2019	FINAS Petaling Jaya
9.	Mesyuarat Panel Penasihat Industri Bil. 6/2019 bersama Ahli Perbadanan dan YBM	26 Julai 2019	FINAS Petaling Jaya
10.	Perbincangan Panel Penasihat Industri bersama Bahagian Pengurusan Produksi dan Bahagian Dasar dan Perancangan	14 Oktober 2019	FINAS Petaling Jaya
11.	Mesyuarat Panel Penasihat Industri berkaitan penambahbaikan Dana Kandungan Digital DKD	18 Oktober 2019	FINAS Petaling Jaya
12.	Mesyuarat Panel Penasihat Industri berkaitan Penambahbaikan Dana Kandungan Digital DKD	8 November 2019	FINAS Petaling Jaya

URUS SETIA MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI FINAS

Unit Dasar, telah diamanahkan untuk mengurus setiakan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi FINAS dengan mengambil alih tugas tersebut daripada Unit Perancangan. Berikut adalah senarai mesyuarat yang telah diadakan pada tahun 2019 di bawah kendalian dan dihadiri Unit Dasar:-

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat MPT FINAS Bil. 10/2019	6 November 2019	FINAS Petaling Jaya
2.	Mesyuarat MPT FINAS Bil. 11/2019	23 Disember 2019	FINAS Petaling Jaya

PROGRAM / MESYUARAT DAN AKTIVITI LAIN

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Dasar Kandungan Kreatif Digital Negara Bil.1/2019 dan Mesyuarat membincangkan indikator MPI YB Menteri Tahun 2019 Bil. 1/2019 : Teras 4	14 Mac 2019	KKMM
2.	Mesyuarat Unit KPI KKMM pada jam 10.00 pagi	26 April 2019	FINAS Hulu Kelang
3.	Mesyuarat Semakan KPI YBM	29 Julai 2019	SKMM
4.	Sesi <i>Townhall</i> FINAS Bersama Penggiat Industri Siri 1	26 Ogos 2019	FINAS Hulu Kelang
5.	Mesyuarat Persediaan Bagi Bengkel Projek Rintis Pangkalan Data MPI - <i>Insights (Dashboard)</i>	6 September 2019	KKMM
6.	Mesyuarat Penyelarasan Petunjuk Prestasi Kementerian (MPI) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPO) PPTPA Tier 1 Tahun 2020	13 November 2019	KKMM
7.	Mesyuarat Peyelarasan Pasukan Petugas Khas FINAS (<i>Taskforce</i>) FINAS Bil. 4/2019	14 November 2019	FINAS Petaling Jaya
8.	Lawatan Pasukan Petugas Khas FINAS (PPKF) dan Mesyuarat Kajian PPKF Bil. 4/2019	14 November 2019	FINAS Hulu Kelang
9.	Mesyuarat Penyediaan Spesifikasi Lantikan Panel Peguam	19 November 2019	FINAS Hulu Kelang

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI**01**

Lawatan Pasukan Petugas Khas FINAS (PPKF) dan Mesyuarat Kajian PPKF Bil. 4/2019 dipengerusikan oleh Tuan Tan Chuan Ou, Timbalan Ketua Setiausaha TKSU (T) pada 14 November 2019 di FINAS Petaling Jaya, Selangor

02

Mesyuarat Panel Penasihat Industri berkaitan Penambahbaikan Dana Kandungan Digital (DKD) pada 8 November 2019 di FINAS Petaling Jaya, Selangor

03

Perbincangan Panel Penasihat Industri bersama Bahagian Pengurusan Produksi dan Bahagian Dasar dan Perancangan Industri berkaitan Penambahbaikan Dana Kandungan Digital (DKD) pada 14 Oktober 2019 di FINAS Petaling Jaya, Selangor

04

Mesyuarat Panel Penasihat Industri Bil. 6/2019 bersama Ahli Perbadanan dan YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri KKMM pada 26 Julai 2019 di FINAS Petaling Jaya, Selangor

05

Mesyuarat Pra-Penyerahan Jawapan Parliment bersama YB Tuan Eddin Syazlee Shith, Menteri KKMM pada 7 Mac 2019 di KKMM

06

Sesi Penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan KKMM Tahun 2020 di Dewan Rakyat (Peringkat Jawatankuasa) bersama YB Tuan Eddin Syazlee Shith, Timbalan Menteri pada 26 November 2019 di Parlimen

BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN

- » UNIT DASAR
- » UNIT PERANCANGAN
- » UNIT PENYELIDIKAN



UNIT PERANCANGAN

LATAR BELAKANG

Unit Perancangan terdiri dari 3 orang penjawat iaitu seorang Pegawai Tadbir (N41), seorang Pegawai Eksekutif (N29) dan seorang Pembantu Tadbir (N19).

OBJEKTIF UNIT PERANCANGAN

Menjadi '*Think Tank*' (perancang & pemikir) dan '*Strategic Integrator*' (penghubung strategik) bagi perancangan, penyelidikan dan pelaksanaan sesuatu dasar/program/projek oleh FINAS sebagai organisasi yang menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman Malaysia.

FUNGSI UNIT PERANCANGAN

- Pengurusan dan penyelarasian urusan dan operasi Mesyuarat Ahli Perbadanan;
- Pengurusan dan penyelarasian program jaringan rasmi, urusan, dokumen dan maklumbalas Jawatankuasa-Jawatankuasa rasmi melibatkan Ahli Perbadanan; dan
- Pengurusan dan penyelarasian Memorandum Nota Jemaah Menteri dan Kabinet

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) UNIT PERANCANGAN

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2019	PENCAPAIAN 2019
1.	Mengurus dan menyelia pentadbiran dan operasi Mesyuarat Ahli Perbadanan	Empat (12) Kali Setahun	Lapan belas (18) kali mesyuarat telah dijalankan
2.	Mengurus dan menyelia urusan berkaitan penyediaan Memorandum/Nota Jemaah Menteri dan Kabinet	Sepanjang tahun *tertakluk kepada Ketua Jabatan	
3.	Melaksanakan arahan daripada Ketua Jabatan dari masa ke semasa	Sepanjang Tahun	

SENARAI AKTIVITI / PROGRAM 2019

BIL.	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH & MASA	LOKASI	PENERANGAN
1.	Lawatan Ahli Perbadanan ke FINAS Cawangan Sarawak bagi program Pengukuhan Pasukan di FINAS Cawangan Sarawak. Wakil Ahli Perbadanan yang terlibat adalah En. Onn Norshal Hamzah dan En. Mohan Rao a/l Simancha serta TKP (P&T) sebagai menjalankan tugas KPE	16-17 Disember 2019	FINAS Santubong	Menghadiri sesi pengukuhan anjuran Unit Sumber Manusia. Bertujuan untuk menyokong penyatuan kakitangan FINAS Sarawak

LAPORAN AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2019

BIL.	TARIKH	MASA	TEMPAT
1/2019	22 Januari 2019 (Khamis)	1.30 Petang – 4.30 Petang	Bilik Mesyuarat Pengurusan Aras 34, KKMM
2/2019	19 Februari 2019	2.00 Petang – 8.20 Malam	Bilik Mesyuarat utama FINAS Petaling Jaya
3/2019	08 April 2019 (Isnin)	3.30 Petang – 7.20 Petang	Bilik Mesyuarat utama FINAS Petaling Jaya
4/2019	22 April 2019 (Isnin)	10.00 Pagi – 2.00 Petang	Bilik Mesyuarat utama FINAS Petaling Jaya
5/2019	23 Mei 2019 (Khamis)	10.00 Pagi – 4.15 Petang	Dewan Samad Idris FINAS Hulu Kelang
6/2019	25 Jun 2019 (Selasa)	10.00 Pagi – 4.15 Petang	Dewan Samad Idris FINAS Hulu Kelang
7/2019	26 Julai 2019 (Jumaat)	10.30 Pagi – 7.00 Petang	Bilik Mesyuarat utama FINAS Petaling Jaya
7/2019 (Sambungan)	16 Ogos 2019 (Jumaat)	9.30 Pagi- 8.10 Malam	Bilik Mesyuarat utama FINAS Petaling Jaya
8/2019	13 September 2019 (Jumaat)	9.00 pagi – 1.37 petang	Bilik Mesyuarat Utama, Finas Petaling Jaya
9/2019	27 September 2019 (Jumaat)	9.00 pagi – 1.00 petang	Bilik Mesyuarat Utama, Finas Petaling Jaya
10/2019	10 Oktober 2019 (Khamis)	1.00 petang-6.40 petang	Bilik Mesyuarat Mixstage, FINAS Hulu Kelang
11/2019	5 November 2019 (Selasa)	2.30 petang- 8.10 malam	Dewan Samad Idris, FINAS Hulu Kelang
12/2019	19 November 2019 (Selasa)	9.30 pagi-2.30 petang	Dewan Samad Idris, FINAS Hulu Kelang
13/2019	12 Disember 2019 (Khamis)	2.00 petang-9.30 malam	Dewan Samad Idris, FINAS Hulu Kelang
1/2019	04 Januari 2019 (Jumaat)	3.30 Petang – 8.00 Malam	Bilik Mesyuarat utama FINAS Petaling Jaya

BIL.	TARIKH	MASA	TEMPAT
2/2019	28 Januari 2019 (Isnin)	3.30 Petang – 6.00 Petang	Bilik Mesyuarat Pengurusan Aras 34, KKMM
3/2019	28 Februari 2019 (Khamis)	3.00 Petang – 10.05 Malam	Bilik Mesyuarat utama FINAS Petaling Jaya
4/2019	08 Mac 2019 (Jumaat)	4.00 Petang – 7.30 Petang	Bilik Mesyuarat Pengurusan Aras 34, KKMM
5/2019	29 Mei 2019 (Rabu)	4.00 Petang -5.20 Petang	Dewan Samad Idris FINAS Hulu Kelang

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 37 Kertas Kerja dan 17 Kertas Makluman telah dibincang dan dibentangkan pada Mesyuarat Ahli Perbadanan.

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI / PROGRAM

Sesi Townhall FINAS Bersama Industri Filem

Tarikh : 26 Ogos 2019 (Isnin)

Masa : 9.00 pagi-1.00 tengahari

Tempat : Studio Sound Stage, FINAS Hulu Kelang

01



Sesi Townhall FINAS Bersama Industri Filem, di Studio Sound Stage, FINAS Hulu Kelang

02



Sesi Townhall FINAS Bersama Industri Filem, di Studio Sound Stage, FINAS Hulu Kelang

03



Sesi Townhall FINAS Bersama Industri Filem, di Studio Sound Stage, FINAS Hulu Kelang

04



Pembentangan Cadangan Halatuju dan Pelan Strategik FINAS oleh Ketua Pegawai Eksekutif FINAS

05



Sesi soal jawab Townhall FINAS

06



Sesi soal jawab Townhall FINAS

URUS SETIA MESYUARAT AHLI PERBADANAN:

Unit Perancangan bertanggungjawab dalam memastikan kelancaran perjalanan Mesyuarat Ahli Perbadanan. Pada tahun 2019, keahlian Perbadanan dianggotai seperti berikut :

- | | |
|--|--|
| <p>1.</p>  <p>NAMA & TEMPOH LANTIKAN
YBhg. Dato' Samsuni
Mohd Nor
Pengerusi FINAS

25 Oktober 2018 –
24 Januari 2019
(Lantikan Pertama)

25 Januari 2019 – 28
Februari 2019 (Lantikan
Semula)

1 Mac 2019 – 7 April 2019
(Lantikan Semula)</p> | <p>2.</p>  <p>NAMA & TEMPOH LANTIKAN
YBhg. Dato' Gerald
Hans Isaac
Pengerusi FINAS

8 April 2019 – 22 Mei 2020</p> |
| <p>3.</p>  <p>NAMA & TEMPOH LANTIKAN
Encik Affendy Ali
Dally
Timbalan Pengerusi

25 Oktober 2018 –
22 Mei 2020</p> | <p>4.</p>  <p>NAMA & TEMPOH LANTIKAN
YBhg. Dato' Suriani
Dato' Ahmad
Ahli Perbadanan

19 Julai 2019 –
22 Mei 2020

Wakil Ketua Setiausaha

Kementerian Komunikasi
dan Multimedia Malaysia.</p> |
| <p>5.</p>  <p>NAMA & TEMPOH LANTIKAN
Puan Siti Juriani
Jalaluddin
Ahli Perbadanan

22 Ogos 2017 – 8 Jun 2020

Wakil Ketua Setiausaha

Kementerian Kewangan
Malaysia</p> | <p>6.</p>  <p>NAMA & TEMPOH LANTIKAN
YBhg. Dato' Dr.
Mohd Ali Mohamad
Nor
Ahli Perbadanan

5 Julai 2018 –
15 Mac 2019

Wakil Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
dan Multimedia Malaysia.</p> |

7.



NAMA & TEMPOH LANTIKAN

**Puan Salwah
Abdul Shukor**

Ahli Perbadanan

25 Oktober 2018 –
22 Mei 2020

8.



NAMA & TEMPOH LANTIKAN

**YBhg. Dato'
Feizal Mustapa**

Ahli Perbadanan

13 Mei 2019 –
22 Mei 2020

9.



NAMA & TEMPOH LANTIKAN

**Encik Hasnul
Hadi Samsudin**

Ahli Perbadanan

14 November 2018 –
22 Mei 2020

10.



NAMA & TEMPOH LANTIKAN

**Encik Onn
Norshal Hamzah**

Ahli Perbadanan

25 Oktober 2018 –
22 Mei 2020

11.



NAMA & TEMPOH LANTIKAN

**Encik Andrew Tai
Wui Charng**

Ahli Perbadanan

16 November 2018 –
22 Mei 2020

12.



NAMA & TEMPOH LANTIKAN

**Encik Abdul Rashid
Karim Mohd Razha**

Ahli Perbadanan

14 November 2018 –
22 Mei 2020

13.



NAMA & TEMPOH LANTIKAN

**Encik Mohan Rao
a/l Simancha**

Ahli Perbadanan

25 Oktober 2018 –
22 Mei 2020



BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN

- » UNIT DASAR
- » UNIT PERANCANGAN
- » **UNIT PENYELIDIKAN**



UNIT PENYELIDIKAN

LATAR BELAKANG

Unit Penyelidikan merupakan satu unit di bawah Bahagian Dasar dan Perancangan, bertempat di FINAS Hulu Kelang. Unit ini berperanan dalam memastikan perancangan, pembangunan dan kajian yang berkaitan dengan Dasar Perfileman dilaksanakan dengan efektif. Tugas seperti mengumpul dan menganalisis data serta maklumat berkaitan industri perfileman adalah fokus utama unit ini. Unit Penyelidikan terdiri daripada 4 orang penjawat iaitu dua orang Pegawai Tadbir (N44 dan N41), seorang Pegawai Eksekutif (N29) dan seorang Pembantu Tadbir (N19).

OBJEKTIF UNIT PENYELIDIKAN

Menjadi '*Think Tank*' (perancang & pemikir) dan '*Strategic Integrator*' (penghubung strategik) bagi perancangan dan pelaksanaan sesuatu dasar/program/projek oleh FINAS sebagai organisasi yang menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman Malaysia.

FUNGSI UNIT PENYELIDIKAN

- i. Pengurusan dalam penyediaan Buku Laporan Tahunan FINAS
- ii. Pembangunan Data Perfileman dan Organisasi.
- iii. Pengurusan Kajian Industri.
- iv. Pengurusan Data Bulanan Industri dan Organisasi.
- v. Pengurusan Jaringan Komunikasi Data Global.

SENARAI PROGRAM / PROJEK UTAMA SEPANJANG TAHUN

- i. Pembangunan Data Perfileman dan Organisasi.
- ii. Pengurusan Data Bulanan Industri dan Organisasi.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN

- i. Pengurusan dalam penyediaan Buku Laporan Tahunan FINAS – **Sekali setahun**
- ii. Pembangunan Data Perfileman dan Organisasi – **Sepanjang Tahun**.
- iii. Pengurusan Kajian Industri – **Sepanjang Tahun**.
- iv. Pengurusan Data Bulanan Industri dan Organisasi – **4 kali (Sukuan)**.
- v. Pengurusan Jaringan Komunikasi Data Global – **Sepanjang Tahun**.
- vi. Arahan dari semasa ke semasa.

SENARAI PAWAGAM

BIL.	SENARAI PAWAGAM	JUMLAH SKRIN	JUMLAH KERUSI
JOHOR			
1.	TGV AEON Tebrau	10	1,731
2.	TGV AEON Bukit Indah, Johor Bahru	9	1,614
3.	TGV AEON Kulai Jaya	5	1,203
4.	TGV Toppen Shopping Centre, Taman Desa Tebrau, JB	9	1,443
5.	GSC Paradigm Mall, Johor Bahru	16	2,107
6.	GSC Mid Valley Southkey, Johor Bahru	18	1,645
7.	MBO Kluang Mall	6	963
8.	MBO Cinemas Square One, Batu Pahat	8	1,189
9.	MBO Cinemas U Mall, Skudai	5	601
10.	MBO KSL City Mall, Johor Bahru	8	1,378
11.	MBO Heritage Mall, Kota Tinggi	7	1,043
12.	MBO AEON Mall Bandar Dato Onn	5	663
13.	MMCineplexes City Square, Johor Bahru	10	2,230
14.	MMCineplexes IOI Mall, Kulai Jaya	6	920
15.	MMCineplexes 1Segamat Shopping Complex	8	1,703
16.	LFS Plaza Tasek Cineplex, Skudai	3	619
17.	LFS Skudai Parade, Johor Bahru	4	938
18.	Paragon Cinemas, Batu Pahat Mall	7	1,060
19.	Super Star Cinema Ulu Tiram Mall	8	1,373
20.	Super Star Cinema Bandar Seri Alam, Masai	8	1,378
21.	Superstar Cinema U Sentral, Segamat	5	668
22.	KPI Broadway Theatre, Johor Bahru	1	244
23.	Blockbuster Cineplexes, Kompleks Perling Mall, Johor Bahru	2	582
24.	Suara Screen, Pasir Gudang	2	260
MELAKA			
25.	GSC Dataran Pahlawan	10	2,004
26.	GSC AEON Bandaraya Melaka	10	1,783
27.	MBO Cinemas Melaka Mall, Ayer Keroh	7	1,208
28.	MBO Elements Mall, Taman Melaka Raya	10	1,584
29.	MMCineplexes Mahkota Parade	4	645
30.	MMCineplexes Mesa Mall, Nilai	9	1,088
31.	Suara Screen, Soon Seng Plaza, Jln Hang Tuah	2	159
NEGERI SEMBILAN			
32.	TGV AEON Seremban2	7	1,191
33.	GSC Terminal One, Seremban	4	1,010
34.	GSC Palm Mall Seremban, Kemayan Square	10	1,659
35.	MBO Cinemas Era Square Mall, Terminal 2, Seremban	10	1,449
36.	MMCineplexes Bahau Cineplex	6	1,036

BIL.	SENARAI PAWAGAM	JUMLAH SKRIN	JUMLAH KERUSI
SELANGOR			
25.	5.9.2019	WANGI PENGARAH : MOHD LATIFF BIN ZAMI	RESILIENCE STUDIO SDN. BHD	50
26.	12.9.2019	SUATU KETIKA PENGARAH : PRAKASH MURUGIAH	KASH PICTURES SDN. BHD	89
27.	19.9.2019	VENPA (TAMIL) PENGARAH : K. KAVI NANTHAN	VADAI PRODUCTIONS VERSION (2) SDN. BHD	35
28.	26.9.2019	MOTIF PENGARAH : NADIAH HAMZAH	WAYANG WORK SDN. BHD	50
29.		ENNAVAL (TAMIL) PENGARAH : SARAN Z	GENIEWORKZ STUDIOS SDN. BHD	31
30.	3.10.2019	HERO PENGARAH : AZIZI CHUNK ADNAN	NS STAR SDN. BHD	50
31.		WALK WITH ME (KANTONIS) PENGARAH : RYON LEE ENG KEONG	LOMO PICTURES SDN. BHD	53
32.	10.10.2019	GERAN PENGARAH : AREEL ABU BAKAR	LAYAR PICTURES SDN. BHD	64
33.	17.10.2019	KOLONG PENGARAH : ZULKIFLI ABU KASSIM	MADNESS FILM SDN. BHD	54
34.	24.10.2019	ANAK PERJANJIAN SYAITAN PENGARAH : HELMI MOHD YUSOF	SCREEN STUDIO SDN. BHD	80

35.	31.10.2019	7 HARI KISAH CINTA LANGKAWI PENGARAH : DR ANWARDI JAMIL	Q-PLEX COMMUNICATION SDN. BHD	45
36.	14.11.2019	KL VAMPIRES PENGARAH : DAVEN RAGHAVAN	CINEMAYA STUDIOS (M) SDN. BHD	52
37.		PULANAIVU (TAMIL) PENGARAH : SHALINI BALASUNDARAM	STORY FILMS SDN. BHD	46
38.	21.11.2019	MOX PENGARAH : DATO ZULKEFLIE M. OSMAN	WALLWORLD PICTURES SDN. BHD	60
39.		WIRA PENGARAH : ADRIAN TEH KEAN KOK	MULTIMEDIA ENTERTAINMENT SDN. BHD	90
40.	28.11.2019	EJEN ALI THE MOVIE PENGARAH : USAMAH ZAID YASIN	PRIMEWORKS STUDIOS SDN. BHD / WAU ANIMATION SDN. BHD	106
41.		METRO MAALAI (TAMIL) PENGARAH : HAREN KAVERI & SHOBaan PILLAY	VICTORY FILM PRODUCTION SDN. BHD / DRONA FILM	33
42.	5.12.2019	LUCKY BLOCKCHAIN (MAND) PENGARAH : BRYAN GAO	STAR III E MEDIA & ADVERTISEMENT (M) SDN. BHD	52
43.		GARANG PENGARAH : KANAGESWARAN	SAKTI FILMS SDN. BHD	75
44.	12.12.2019	BANGLO NO. 99 PENGARAH : KHIR MOHD NOOR	XTREME FIVE PRODUCTION SDN. BHD	43
45.	19.12.2019	BUSUT BONANG PENGARAH : KHALID NADZRI	ALFANAZRA PRODUCTIONS SDN. BHD	47

FILEM DI BAWAH SKIM WAJIB TAYANG YANG MENDAPAT KUTIPAN KASAR JUALAN TIKET MELEBIHI RM 1 JUTA PADA TAHUN 2019

BIL.	JUDUL FILEM	JUDUL FILEM	JUALAN TIKET (RM)
1.	A JOURNEY OF HAPPINESS (MANDARIN)	LOMO PICTURES SDN BHD	3,547,518.00
2.	AMAZING SPRING (MANDARIN)	THE FILM ENGINE SDN. BHD	3,007,424.63
3.	MISTERI DILAILA	SKOP PRODUCTION SDN. BHD. / ASTRO SHAW SDN. BHD.	9,464,859.00
4.	BIKERS KENTAL 2	MRB NETWORK SDN. BHD.	7,675,682.50
5.	UPIN & IPIN: KERIS SIAMANG TUNGGAL	LESCOPAQUE PRODUCTION SDN. BHD.	26,195,229.10
6.	BOBOIBOY MOVIE 2	ANIMONSTA STUDIOS SDN. BHD.	29,606,555.00
7.	SANGKAR	PRIMEWORKS STUDIOS SDN. BHD. / INFINITUS SDN. BHD. / MM2 ENTERTAINMENT SDN. BHD.	11,908,558.00
8.	ANAK PERJANJIAN SYAITAN	SCREEN STUDIO SDN. BHD.	1,256,523.90
9.	WIRA	MULTIMEDIA ENTERTAINMENT SDN. BHD.	7,400,718.00
10.	EJEN ALI THE MOVIE	PRIMEWORKS STUDIOS SDN. BHD. / WAU ANIMATION SDN. BHD.	30,054,301.53
JUMLAH KESELURUHAN			130,117,369.16

TUNTUTAN INSENTIF TAYANGAN FILEM CEREKA (ITFC) TAHUN 2019

BIL.	JUDUL FILEM	JUDUL FILEM	JUMLAH (RM)
1.	SKOP PRODUCTIONS SDN BHD	MUNAFIK 2	500,000.00
2.	INFINITUS GOLD SDN BHD	HANTU KAK LIMAH	500,000.00
3.	RED FILMS SDN BHD	GOL & GINCU VOL 2	37,830.98
4.	NEW LINE FILM SDN BHD	TANGISAN AKINABALU	27,705.07
5.	ACE MOTION PRODUCTION SDN. BHD	XX RAY 3	7,890.68
6.	LITTLE FILM SDN BHD	KALLA	7,197.23

7.	JANU TALKIES SDN BHD	FELINA	6851.87
8.	KIRAWANG SDN BHD	AWANG GERUDI	338.98
9.	MRB NETWORK SDN. BHD.	BIKERS KENTAL 2	485,500.41
10.	LOMO PICTURES SDN. BHD.	A JOURNEY OF HAPPINESS	276,809.33
11.	THE FILM ENGINE SDN. BHD.	AMAZING SPRING	265,499.67
12.	RESERVOIR WORLD SDN. BHD.	GUANG	93,751.16
13.	MW ENTERTAINMENT SDN. BHD.	TIADA TAJUK	62,299.48
14.	PIXEL PLAY ENTERTAINMENT SDN. BHD.	CROSSROADS ONE TWO JAGA	56,651.40
15.	PRODIGEE FILM SDN. BHD.	RISE	38,142.80
16.	CINETOPIA SDN. BHD.	BUYER BEWARE	26,591.99
17.	DREAM PICTURES PRODUCTION (M) SDN. BHD.	OPERASI X	68,844.75
18.	KUMAN PICTURES SDN. BHD.	TWO SISTERS	4,322.30
19.	MS MEDIA ENTERTAINMENT SDN. BHD.	A STOLEN LIFE	3,349.68
20.	MM2 FILM DISTRIBUTION SDN. BHD.	BU	2,160.88
21.	LES' COPAQUE PRODUCTION SDN. BHD.	UPIN IPIN KERIS SIAMANG TUNGGAL	500,000.00
22.	SKOP PRODUCTIONS SDN. BHD.	MISTERI DILAILA	500,000.00
23.	CB PICTURES SDN. BHD.	LEE CHONG WEI	386,238.67
24.	PRIMEWORKS STUDIOS SDN. BHD.	7UJUH	124,441.78
25.	EVO PICTURES SDN. BHD.	RED STORM	35,110.70
26.	DAA PRODUCTIONS SDN. BHD.	SHUN PONG O	14,981.90
27.	ANOTHER PLANET SDN. BHD.	FLY BY NIGHT	12,184.20
28.	AT MOVIES SDN. BHD.	AZHAGGIYE THEE	7,926.43
JUMLAH KESELURUHAN			4,052,622.34

Majlis Penyampaian Cek Insentif Tayangan Filem Cerek (ITFC)



Majlis Penyampaian ITFC 1/2019 pada 30 April 2019
di Pawagam Mini P. Ramlee, FINAS

Program Lawatan Kerja Industri



Program Lawatan Kerja Industri (Sabah)
13 April 2019 – 19 April 2019



Majlis Penyampaian ITFC 3/2019 pada 12 Disember 2019
di Studio Sound Stage, FINAS Hulu Kelang



Program Lawatan Kerja Industri (Sarawak) pada
1 Julai 2019 – 6 Julai 2019



Majlis Penyampaian ITFC 2/2019 pada 29 Ogos 2019
di Pawagam Mini P. Ramlee, FINAS



Program Lawatan Kerja Industri (Sarawak) pada
1 Julai 2019 – 6 Julai 2019



BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI

- » UNIT GALAKAN INDUSTRI
- » UNIT KHIDMAT PRODUKSI
- » UNIT LATIHAN INDUSTRI



UNIT KHIDMAT PRODUKSI

LATAR BELAKANG

SEWAAN KEMUDAHAN DAN PERALATAN PROFILEMAN

Selaras dengan objektif penubuhan FINAS iaitu menggalak, memelihara dan memudahkan industri profileman, Perbadanan juga sentiasa berusaha untuk memberi bantuan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada penggiat industri profileman dengan menawarkan kadar sewaan yang berpatutan serta penggunaan peralatan dan kemudahan profileman yang moden dan berteknologi tinggi.

FUNGSI UNIT

Unit Khidmat Produksi berperanan menguruskan sewaan bagi fasiliti-fasiliti di FINAS dan bertanggungjawab menyediakan infrastruktur untuk industri profileman seperti studio, peralatan produksi dan pasca produksi. Berikut ialah kemudahan fasiliti yang disediakan oleh FINAS:


- Studio Sound Stage (Hulu Kelang & Petaling Jaya)

- Studio L.Krishnan
- Studio Ho Ah Loke
- Pawagam Mini P.Ramlee
- Dataran Karyawan & Concourse FINAS
- Peralatan Produksi
- Khidmat Pasca Produksi
- Jualan Futej

HASIL SEWAAN

Pendapatan kasar bagi hasil kemudahan dan peralatan profileman di FINAS pada tahun 2019 adalah sebanyak RM762,154.60.

HASIL SEWAAN 2019



SEWAAN KETARA DAN TIDAK KETARA 2019



SEWAAN FASILITI FINAS

HASIL SEWAAN FASILITI FINAS (KETARA)

BIL.	FASILITI	JUMLAH (RM)
1.	Sewaan Peralatan Produksi	RM 22,355.00
2.	Pawagam Mini & Panggung 1	RM 6,590.00
3.	Studio Sound Stage	RM 204,750.00
4.	Studio Ho Ah Loke & Studio L Krishnan	RM 8,400.00
5.	Dataran, Concourse & Lobi	RM 9,100.00
6.	Penjualan Futej	RM 21,869.60
JUMLAH KESELURUHAN		RM 273,064.60

HASIL SEWAAN FASILITI FINAS (TIDAK KETARA)

BIL.	FASILITI	JUMLAH (RM)
1.	Pawagam Mini & Panggung 1	RM 77,190.00
2.	Studio Sound Stage	RM 91,500.00
3.	Studio Ho Ah Loke & Studio L Krishnan	RM 38,500.00
4.	Dataran, Concourse & Lobi	RM 65,400.00
5.	Penjualan Futej	RM 216,500.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM 489,090.00

BIL.	FASILITI	KETARA	TIDAK KETARA
1.	Sewaan Peralatan Produksi	6	0
2.	Pawagam Mini & Panggung 1	28	90
3.	Studio Sound Stage	49	17
4.	Studio Ho Ah Loke & Studio L Krishnan	8	49
5.	Dataran, Concourse & Lobi	20	50
JUMLAH		111	206
JUMLAH KESELURUHAN PENGGUNAAN FASILITI		317	

*Bilangan sewaan ini telah diambil kira dari pihak pelanggan mahupun dari dalaman FINAS

SASARAN & PENCAPAIAN SEWAAN 2019

BIL.	PERKARA/KPI	SASARAN 2019	PENCAPAIAN 2019
1.	Bilangan penggunaan/sewaan	300	317
2.	Hasil (Ketara)	RM 4000,000.00	RM 273,064.60

* Sasaran bilangan penggunaan/sewaan dapat dicapai iaitu sebanyak 317 melebihi dari sasaran sebanyak 300 sahaja. Walaubagaimanapun, hasil pendapatan ketara yang diperolehi tidak mencapai sasaran berikutan hasil tak ketara lebih tinggi berbanding ketara sebanyak RM 489,090.00 melebihi hasil ketara .

Terdapat beberapa fasiliti yang ditutup untuk proses baik pulih iaitu:

- i) Studio Sound Stage FINAS Hulu Kelang ditutup dari Januari 2019 – Mei 2020 (berikutan Projek **Facility For Industry Trancendent (FIT)**);
- ii) Semua Fasiliti Di FINAS Hulu Kelang ditutup dari November 2019 – April 2020 (berikutan Projek **Facility For Industry Trancendent (FIT)**)

LAMPIRAN GAMBAR SEWAAN DAN PENGGUNAAN FASILITI FINAS 2019



Sesi Penyerahan Sijil Insentif Filem Cereka Di Sound Stage, FINAS Hulu Kelang pada 12 Disember 2019



Perhimpunan FINAS Bil 2/2019 di Pawagam Mini P.Ramlee, FINAS Hulu Kelang pada 3 Disember 2019



Lawatan ke FINAS Petaling Jaya Sepanjang 2019



Bengkel Penulisan Skrip Siri Ke 2 Di Studio L.Krishnan, FINAS Hulu Kelang pada 18 Oktober 2019



Sesi Perbincangan Town Hall Berkenaan KWSP dan PERKESO Bersama Penggiat Industri pada 5 November 2019





BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI

- » **UNIT GALAKAN INDUSTRI**
- » **UNIT KHIDMAT PRODUKSI**
- » **UNIT LATIHAN INDUSTRI**



UNIT LATIHAN INDUSTRI

LATAR BELAKANG

Unit Latihan Industri merupakan unit di bawah Bahagian Pembangunan Industri. Peranannya dalam membangunkan modal insan industri kandungan kreatif tempatan dilaksanakan melalui empat (4) komponen iaitu Bengkel & Latihan, Akreditasi & Pentauliahan dalam Industri Kandungan Kreatif, Badan Peneraju Industri Kreatif (ILB) di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan *Creative Industry Lifelong Learning* (CILL). Unit Latihan Industri adalah di ketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah (N44) dan terdiri daripada seorang Penolong Pengarah (N41), seorang Pegawai Eksekutif (N32) dan dua orang Pembantu Tadbir (N19/N22).

PENCAPAIAN KPI UNIT LATIHAN INDUSTRI TAHUN 2019

SKOP	BILANGAN PROGRAM	BILANGAN PESERTA
PEMACUAN	1	254
KESEDARAN INDUSTRI KREATIF	4	203
PEMBANGUNAN KEMAHIRAN	35	1296
PERKONGSIAN IDEA	8	977
JUMLAH	48	2730

RINGKASAN PROGRAM YANG TELAH DIANJURKAN

BENGKEL PROFILEMAN (PERTENGAHAN)

TARIKH: 5-9 Ogos 2019; 26-30 Ogos 2019

TEMPAT: Studio Ho Ah Loke dan Studio L. Krishnan, FINAS Hulu Kelang

SKOP: Pembangunan Kemahiran

BIL. PESERTA: 77 Orang

- Siri bengkel anjuran FINAS yang merangkumi 4 aspek penting profileman di peringkat pertengahan iaitu Bengkel Pengarahan, Bengkel Teknik Kamera, Bengkel Penyuntingan Naratif & Bengkel Lakonan. Sasaran peserta adalah dikalangan penggiat industri muda dengan pengalaman yang terhad. Peserta terbaik dari setiap bengkel akan dipilih untuk menyertai siri bengkel profileman FINAS bagi peringkat Lanjutan.



BENGKEL PROFILEMAN FINAS (LANJUTAN)

TARIKH: 3-9 November 2019

TEMPAT: Hotel Corus, Port Dickson, Negeri Sembilan

SKOP: Pembangunan Kemahiran

BIL. PESERTA: 69 orang

- Siri bengkel anjuran FINAS peringkat Lanjutan susulan daripada siri Pertengahan yang menyasarkan penggiat industri profesional bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran sedia ada (upskilling/reskilling) yang merangkumi 6 aspek penting perfileman iaitu Bengkel Pengarahan, Bengkel Teknik Kamera, Bengkel Penyuntingan Naratif, Bengkel Lakonan, Bengkel Pengurusan Produksi & Bengkel Tatarias Kesan Khas.



MOTION CAPTURE WORKSHOP

TARIKH: 20-22 Mac 2019

TEMPAT: Akademi Warisan Negara (ASWARA), Kuala Lumpur

SKOP: Pembangunan Kemahiran

BIL. PESERTA: 27 orang



- Bengkel berkonsep *masterclass* yang disampaikan oleh tenaga pengajar berpengalaman antarabangsa, Sina Azad (Australia). FINAS telah bekerjasama dengan pihak Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS), ASWARA dan Summit Features Sdn Bhd iaitu pengedar tunggal dan teknikal bagi sistem VICON Motion Picture di Malaysia. Peserta didedahkan kepada penggunaan teknologi *Motion Capture* yang merupakan proses merakam pergerakan manusia atau objek untuk membuat animasi model karakter digital animasi komputer 2D/3D.

MASTERCLASS SEMPENA SEASHORTS FILM FESTIVAL 2019

TARIKH: 23-27 September 2019

TEMPAT: Hotel Tun Fatimah Riverside, Melaka

SKOP: Pembangunan Kemahiran

BIL. PESERTA: 103 Orang

- Program berbentuk *Masterclass* yang merangkumi aspek Pengarahan, Penyuntingan & Lakonan oleh penggiat filem Asia bertaraf antarabangsa iaitu Garin Nugroho, Lee Chatametikool & Fatimah Abu Bakar.



CONNECT ASIA: A NETWORKING SYMPOSIUM 2019

TARIKH: 22-23 November 2019

TEMPAT: Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur

SKOP: Perkongsian Idea

BIL. PESERTA: 585 Orang



- Program berkonsep wawancara bersama pakar-pakar yang dinamik khusus yang terlibat dalam industri audio-visual Filem & TV Malaysia. Turut menghimpunkan para profesional dalam bidang penciptaan kandungan. Selain seminar, terdapat juga sesi B2B di antara produksi tempatan dan penyiar-penyiar domestik dan luar negara.



BAHAGIAN PEMASARAN

- » UNIT PASARAN ANTARABANGSA
- » UNIT PENERBITAN
- » UNIT PROMOSI



UNIT PASARAN ANTARABANGSA

LATAR BELAKANG

Unit Pasaran Antarabangsa melaksanakan program pemasaran untuk kandungan kreatif tempatan bagi pasaran antarabangsa dan juga membantu penggiat industri tempatan menyertai festival filem antarabangsa dengan matlamat membantu industri profileman Malaysia ke peringkat Antarabangsa.

Pasaran Filem Antarabangsa merupakan platform terbaik untuk memasarkan produk kandungan kreatif tempatan seperti filem, dokumentari, animasi dan drama kepada penggiat industri kandungan kreatif Antarabangsa. Program pemasaran antarabangsa seperti *Hong Kong International Film & TV Market (Filmart)*, *World Entertainment Content Market (MIPCOM) Cannes, Perancis*, *Marche Du Film, Cannes, Perancis*, *Asia TV Forum & Market (ATF)*, Singapura dan lain-lain yang merupakan platform pasaran filem antarabangsa yang telah menjadi kebiasaan kepada FINAS menghadirinya semenjak tahun 90-an lagi.

FINAS juga membantu penggiat industri kandungan kreatif tempatan untuk menyertai festival filem antarabangsa. Festival filem antarabangsa adalah pentas terbaik bagi penggiat industri kandungan kreatif tempatan memperkenalkan karya untuk tatapan dan diskusi oleh warga industri kandungan kreatif antarabangsa. *Asia Pacific Screen Awards (APSA)*, *Academy Awards (OSCARS)*, *Chunsa Film Awards*, *Shanghai International Film Festival*, *ASEAN Film*

Festival dan lain-lain adalah pentas pertandingan dan pengiktirafan produk kandungan kreatif oleh masyarakat antarabangsa dan FINAS telah membantu syarikat kandungan kreatif tempatan untuk mempromosikan produk mereka di persada antarabangsa.

Pada tahun 2019, Unit Pasaran Antarabangsa FINAS telah menghadiri program pasaran antarabangsa *Hong Kong International Film & TV Market (Filmart)*, *MIPCOM, Cannes, Perancis* dan *Asia TV Forum & Market (ATF)*, Singapura. Selain daripada itu, sesi *townhall* untuk penggiat industri kandungan kreatif tempatan telah diadakan dengan tujuan memperkenalkan dan mempromosikan program pasaran antarabangsa yang FINAS akan serta. FINAS menyediakan kemudahan ruang tapak (*Pavilion*), beserta kemudahan fasiliti multimedia bagi pasaran antarabangsa yang disertainya. Selain itu juga, syarikat kandungan kreatif tempatan akan mendapat kadar harga penyertaan pasaran antarabangsa pada harga diskaun sekiranya menyertai program pasaran antarabangsa FINAS.

Berikut adalah senarai sesi *townhall* yang telah dilaksanakan dan program pasaran antarabangsa yang disertai oleh FINAS pada tahun 2019:

TOWN HALL / PASARAN	LOKASI	TARIKH	BILANGAN PENYERTAAN SYARIKAT KANDUNGAN KREATIF	JUMLAH JUALAN (RM)
Town Hall Hong Kong Filmart	FINAS Hulu Kelang	14 Mac 2019	20	
Pasaran Hong Kong Filmart	Hong Kong	18-21 Mac 2019	7	11 juta
Town Hall MIPCOM	Panggung 1, FINAS PJ	2 Mei 2019	40	
Pasaran MIPCOM	Cannes, Perancis	15 – 18 Oktober 2019	20	20.27 juta
Town Hall ATF	FINAS Petaling Jaya	18 November 2019	16	
Pasaran ATF	Singapura	4-7 Disember 2019	13	8.83 juta

Sebanyak 43 tajuk filem tempatan telah menyertai pertandingan festival filem antarabangsa pada tahun 2019. Filem dokumentari ‘M for Malaysia’ telah dicalonkan oleh FINAS untuk penyertaan di Anugerah Academy (Oscars) ke-92 dan telah berjaya diterima penyertaannya oleh pihak pengajur. Filem cereka ‘One Two Jaga’ juga telah dicalonkan oleh FINAS untuk penyertaan di Asia Pacific Screen Awards (APSA) ke-13 di Australia.

Berikut adalah senarai filem tempatan mengikut genre yang telah bertanding di festival filem antarabangsa pada tahun 2019.

FILEM CEREGA		FILEM ANIMASI		FILEM DOKUMENTARI		FILEM PENDEK		DRAMA / TELEMOVIE / SIRI TV	
Jumlah penyertaan	Menang	Jumlah penyertaan	Menang						
23	5	1	-	3	1	15	5	1	1

Sumber: Bahagian Dasar dan Perancangan FINAS


GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI



MIPCOM 2019, Cannes, Perancis yang turut dihadiri oleh YB Dato' Eddin Syazlee bin Shith, Timbalan Menteri KKMM



Asia TV Forum & Market (ATF) 2019, Singapura



BAHAGIAN PEMASARAN

- » UNIT PASARAN ANTARABANGSA
- » UNIT PENERBITAN
- » UNIT PROMOSI



UNIT PENERBITAN

LATAR BELAKANG

Unit Penerbitan diwujudkan adalah khusus bagi menguruskan penerbitan buku-buku terbitan FINAS, percetakan dan reka bentuk bahan-bahan penerbitan serta urus selia kerja-kerja editorial. Dengan kekuatan seramai 4 orang penjawat diketuai oleh Penolong Pengarah, Pegawai Eksekutif dan 2 orang Pembantu Tadbir. Selain bertindak dalam pengurusan dan penyelarasan penerbitan buku-buku terbitan FINAS, penerbitan bahan-bahan bercetak seperti buku program, brosur, poster, pamphlet, bunting, *backdrop*, borang dan kad jemputan, Unit Penerbitan juga berfungsi sebagai penyelaras jualan, pameran dan mempromosikan buku-buku terbitan FINAS.

OBJEKTIF UNIT PENERBITAN

Menyediakan khidmat reka bentuk, penerbitan bahan-bahan percetakan yang berkaitan dengan program / acara / majlis rasmi anjuran FINAS. Membantu, mengurus dan menyelaras penjualan, pameran dan turut juga mempromosikan buku-buku terbitan FINAS. Bertindak dalam pengurusan editorial bagi buku-buku dan majalah terbitan FINAS. Unit Penerbitan juga merupakan koordinator strategik kepada jaringan perhubungan antarabangsa FINAS dan industri melalui strategi penjenamaan, pelaburan, promosi dan pemasaran global serta promosi domestik FINAS melalui organisasi dan industri.

FUNGSI UNIT PENERBITAN

Unit Penerbitan bertanggungjawab dalam kerja-kerja penerbitan bahan rasmi FINAS seperti produk bergenre ilmiah dan biografi tokoh perfilman tanah air, selain berperanan dalam menguruskan manuskrip buku dan menjalankan fungsi editorial.

Ia juga melibatkan aktiviti promosi dan jualan bahan terbitan FINAS menerusi program pameran strategik industri kreatif selain penyertaan dalam penganjuran pesta buku di dalam negara.

Khidmat percetakan dan reka bentuk oleh unit ini adalah merangkumi bahan-bahan penerbitan seperti berikut :

- Brosur
- Bunting
- Banner
- Poster
- Buku Program

Jumlah Bajet diluluskan 2019 (RM/Juta)

RM77, 051.56

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) UNIT PENERBITAN

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2019	PENCAPAIAN 2019
1.	Penyediaan manuskrip buku-buku tokoh perfileman tanah air a. Biografi Studio Merdeka b. Biografi Datuk Yusof Haslam	2	2
2.	Penerbitan buku biografi Hussein Abu Hassan: <i>The Cinderella Man</i>	1	1
3.	Menyertai pameran buku dan membantu dalam mempromosikan buku-buku terbitan FINAS a. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019 (PBAKL2019) b. Pameran buku sempena program Imbas Kembali dan Layar Bintang FFM30 c. Pameran buku sempena program Jom Baca 10 minit anjuran KKMM d. Putrajaya <i>Open Day</i> anjuran KKMM e. Pesta Buku UMS 2019 f. Pesta Buku <i>Big Bad Wolf</i> 2019 (Melaka) g. Pesta Buku <i>Big Bad Wolf</i> 2019 (KL)	7	7
4.	Menguruskan bahan-bahan penerbitan dan percetakan rasmi FINAS a. Brosur b. Banner c. Bunting FFM30 d. Kalender FINAS e. <i>Backdrop</i> FFM30 f. Buku Program FFM30 g. Kalender <i>Bookmark</i> FINAS	7	7
5.	Pembelian buku biografi Sumbangsih Primadona Dato' Rosnani Jamil Dari Sungai Geringging Ke Kota London sebanyak 500 naskah	1	1

SENARAI AKTIVITI / PROGRAM 2019

BIL.	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH & MASA	LOKASI	JUMLAH KUNJUNGAN
1.	Pameran buku sempena program Imbas Kembali dan Layar Bintang FFM30	23 Mac 2019, 8.00 pagi - 1.00 tengahari	Studio Sound Stage FINAS	500 orang
2.	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019 (PBAKL 2019)	29 Mac - 7 April 2019, 10.00 pagi - 9.00 malam	PWTC	10,000 orang
3.	Pameran buku sempena program Jom Baca 10 minit anjuran KKMM	23 April 2019, 8.00 pagi - 1.00 tengahari	Kompleks KKMM, Putrajaya	500 orang
4.	Pesta Buku UMS 2019	23 - 27 September 2019, 9.00 pagi - 5.00 petang	Perpustakaan UMS, Kota Kinabalu, Sabah	500 orang
5.	Pameran buku sempena Putrajaya Open Day anjuran KKMM	5 Oktober 2019, 8.00 pagi - 5.00 petang	Kompleks KKMM, Putrajaya	500 orang
6.	Pesta Buku <i>Big Bad Wolf</i> 2019 (Melaka)	10 - 20 Oktober 2019,	MITC, Ayer Keroh, Melaka	5000 orang
7.	Pesta Buku <i>Big Bad Wolf</i> 2019 (KL)	6 - 16 Disember 2019, 24 jam	MIECC, <i>The Mines</i> , Sri Kembangan	10,000 orang

LAPORAN AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2019

Reka bentuk dan cetakan bahan promosi yang dihasilkan oleh Unit Penerbitan bagi program-program anjuran FINAS. Antaranya adalah seperti berikut :

BAHAN-BAHAN PENERBITAN

Unit Penerbitan juga terlibat dengan Jawatankuasa Penerbitan bagi program-program anjuran FINAS. Bahan-bahan penerbitan yang telah dilaksanakan oleh unit ini antaranya :


- a. Buku Program
- b. Kad jemputan
- c. *Que Card / Result Card*
- d. *Backdrop* Pentas
- e. Bunting / Banner
- f. Kalendar / *Bookmark*
Calendar



Bahan percetakan dan reka bentuk bunting bagi program rasmi FINAS

PENERBITAN BUKU

FINAS telah berjaya menerbitkan sebuah lagi buku bergenre biografi, Hussein Abu Hassan: *The Cinderella Man* pada Julai 2019 yang mengisahkan mengenai suka duka perjalanan anak seni sehingga bergelar seniman dan tokoh lagenda perfilman tanah air di era 60-an. Buku tersebut diterbitkan dalam dua versi iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di dalam satu buku.



Percetakan dan reka bentuk buku-buku terbitan FINAS:

Hussein Abu Hassan : The Cinderella Man dan Sumbangsih Primadona Dato' Rosnani Jamil Dari Sg Geringging Ke Kota London

FINAS juga telah membayai penerbitan buku bergenre biografi hasil penulisan Seniwati Dato' Rosnani Jamil yang bertajuk Sumbangsih Primadona Dato' Rosnani Jamil Dari Sungai Geringging Ke Kota London yang berkisarkan tentang kehidupan dan perjuangan seorang seniwati melalui perjalanan penuh pancaroba dari pentas tari ke hingga pentas lakonan dan bergelar seorang seniwati.



PENGURUSAN MANUSKRIP

FINAS bakal menerbitkan buku tokoh perfilman **Datuk Yusof Haslam** dengan pendedahan secara eksklusif mengenai kisah kehidupan beliau yang belum pernah didedahkan kepada umum. Manuskrip tersebut akan mengumpulkan senarai kejayaan beliau dari mula penglibatannya sehingga menjadi nama yang tidak asing lagi dalam industri perfilman tanah air.

Biografi Studio Merdeka sebuah buku biografi era baru Sinema Malaysia bakal menjadi rujukan para peminat filem tanah air. Merupakan buku sejarah asal usul sebelum tertubuhnya Kompleks Studio Merdeka. Menceritakan titik tolak perkembangan filem Malaysia di mana FINAS sebagai payung warga seni, filem-filem keluaran Studio Merdeka serta temubual pengalaman dan sejarah bersama

mereka yang terlibat sejak zaman Studio Merdeka ditubuhkan.

PAMERAN DAN JUALAN BUKU

Unit Penerbitan telah menyertai penganjuran pameran dan penjualan buku-buku terbitan FINAS. Penyertaan pameran ini mampu mempromosikan buku-buku terbitan FINAS kepada pengunjung dan secara tidak langsung dapat meningkatkan penjualan buku-buku. Antara penganjuran pameran yang telah disertai oleh Unit Penerbitan sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut :

- a. Pameran buku sempena program Imbas Kembali dan Layar Bintang FFM30 pada 23 Mac 2019 bertempat di Studio Sound Stage, Kompleks Studio Merdeka.

- b. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019 (PBAKL 2019) pada 29 Mac - 7 April 2019 bertempat di PWTC, Kuala Lumpur.
- c. Pameran buku sempena program Jom Baca 10 minit anjuran KKMM pada 23 April 2019 bertempat di Kompleks KKMM, Putrajaya.
- d. Pesta Buku UMS 2019 pada 23 - 27 September 2019 bertempat di Perpustakaan UMS, Kota Kinabalu, Sabah.
- e. Pameran buku sempena Putrajaya Open Day anjuran KKMM pada 5 Oktober 2019 bertempat di Kompleks KKMM, Putrajaya.
- f. Pesta Buku *Big Bad Wolf* 2019 (Melaka) pada 10 - 20 Oktober 2019 bertempat di MITC, Ayer Keroh, Melaka.
- g. Pesta Buku *Big Bad Wolf* 2019 (KL) pada 6 - 16 Disember 2019 bertempat di MIECC, *The Mines*, Seri Kembangan, Kuala Lumpur.



Pameran buku sempena program Jom Baca 10 minit anjuran KKMM pada 23 April 2019 bertempat di Kompleks KKMM, Putrajaya



Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019 (PBAKL 2019) pada 29 Mac - 7 April 2019 bertempat di PWTC, Kuala Lumpur



Pameran buku sempena program Imbas Kembali dan Layar Bintang FFM30 pada 23 Mac 2019 bertempat di Studio Sound Stage, Kompleks Studio Merdeka




Pameran buku sempena Putrajaya Open Day anjuran KKMM pada 5 Oktober 2019 bertempat di Kompleks KKMM, Putrajaya

**MAKLUMAT / DATA / STATISTIK PENCAPAIAN DALAM BENTUK JADUAL/
CARTA BAR / CARTA PAI DAN LAIN-LAIN**

HASIL PENJUALAN BUKU TERBITAN FINAS BAGI TAHUN 2019

BULAN	JUMLAH BUKU YANG TERJUAL	JUMLAH HASIL JUALAN (RM)
JANUARI	8	275.00
FEBRUARI	1	150.00
MAC	37	2,464.00
APRIL	81	2,973.00
MEI	1	64.00
JUN	-	-
JULAI	31	3,089.00
OGOS	27	2,343.00
SEPTEMBER	23	800.00
OKTOBER	75	3,212.00
NOVEMBER	-	-
DISEMBER	6	364.00
JUMLAH	290	RM15,734.00



Statistik Hasil Penjualan Buku-buku Terbitan FINAS Bagi Tahun 2019

BAHAGIAN PEMASARAN

- » UNIT PASARAN ANTARABANGSA
- » UNIT PENERBITAN
- » **UNIT PROMOSI**



UNIT PROMOSI

LATAR BELAKANG

Objektif penubuhan Unit Promosi adalah sejajar dengan peranan FINAS iaitu menyokong dan membantu dalam menggalakkan, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan profileman Malaysia melalui pembangunan komuniti profileman, pembangunan sosial dan komuniti selaras dengan fungsi, misi, visi dan objektif organisasi. Unit Promosi diperkasakan dengan 3 komponen utama dalam pelaksanaan aktiviti iaitu;

- i. Membangunkan program berteraskan ko-kurikulum profileman pelajar sekolah / universiti dan mewujudkan hubungan kerjasama strategik dengan agensi luar bandar untuk aktiviti kelab Pencinta Filem.
- ii. Memperluaskan aktiviti penjelajahan interaktif bersama rakyat dengan menyediakan tayangan filem / khidmat pesanan masyarakat (PSA) dan transformasi kerajaan melalui program merakyatkan filem.
- iii. Koordinator strategik kepada jaringan promosi domestik FINAS melalui program Kementerian / Agensi / NGO dan organisasi persatuan industri kreatif.

Sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2019, unit promosi berperanan dalam menyediakan aktiviti pameran, program wayang pacak serta penyertaan filem tempatan untuk tayangan di peringkat festival filem antarabangsa. Promosi-promosi filem tempatan juga merupakan komponen utama dalam pelaksanaan aktiviti pameran melalui penyediaan slot promosi bagi penerbit filem tempatan. Kaedah ini dilihat mampu mewujudkan persekitaran

yang kondusif dan kos adalah minimum kerana FINAS telah menyediakan ruang untuk penerbit mempromosikan filem terbitan mereka. Melalui kerjasama di antara Kementerian dan agensi-agensi lain, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan untuk memastikan FINAS kekal relevan dalam menyampaikan maklumat secara langsung kepada kumpulan sasar masyarakat Malaysia khususnya industri kreatif negara.



23 Mac 2019: Program Sisipan FFM30 – Apresiasi Sinema bertempat di Miniplex FiTA, Kampus Puncak Perdana. Team Promosi bersama-sama Penerbit Filem Paskal, Chee Ang dan Pengarah Filem One Two Jaga, Nam Ron serta para pelajar Fakulti Filem Teater dan Animasi (FiTA UiTM) selepas tayangan filem dan Sesi Soal Jawab




21-23 Februari 2019: Program Kenegaraan dan Bintang Patriotik Mega 2019 di Mydin Mall Mutiara Rini, Johor Bahru. Pengunjung di tapak pameran sempena teruja melihat film strip (bahan arkib) yang tidak digunakan dan dijadikan sebagai penanda buku



27-28 Julai 2019: Program Kembara Digital Malaysia (KDM) di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru. Pengunjung di tapak pameran menyertai kuiz interaktif dan sesi *Meet & Greet* bersama pelakon, Bell Ngasri



14 Disember 2019: Kem Seni & *Retreat Budaya* 2019 oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Asia Camp, Ampang Pechah Kuala Kubu Baru. Pelajar Kelab Pencinta Filem (KPF) bersama pelakon Ebby Yus sempena Slot Bicara Tokoh Seni



Filem **ADIWIRAKU** ditayangkan di Cine Estudio del Círculo de Bellas Artes (CBA), 2 hingga 6 Oktober 2019 bersempena Festival Filem ASEAN 2019 di Madrid.



23-24 November 2019: Program Kembara Digital Malaysia (KDM). Pengunjung berwefie bersama Abg Ropie, semasa sesi *meet & greet* artis/karyawan jemputan di tapak pameran FINAS


KESIMPULAN

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pameran, lawatan, tayangan dan promosi yang di sediakan oleh Unit Promosi merupakan intipati pelan perancangan dan hala tuju FINAS 2019 untuk misi dan visi FINAS iaitu membangunkan komuniti profileman dalam menggalakkan pertumbuhan aktiviti profileman tanahair tercapai. Unit Promosi telah menyediakan draf pelan perancangan aktiviti-aktiviti 2020 dengan kerjasama KKMM, Jabatan Penerangan Malaysia JAPEN dan Kerajaan Negeri dalam usaha membangunkan komuniti sayangi filem dilaksanakan sebaiknya.

**“PERUNTUKAN
SEJUMLAH
RM148,000.00 TELAH
DITERIMA OLEH
UNIT PROMOSI BAGI
KEPERLUAN OPERASI
UNTUK MEMASTIKAN
AKTIVITI-AKTIVITI
YANG DIRANCANG
DAPAT DILAKUKAN
SEBAIKNYA.”**



CARTA PENCAPAIAN UNIT



SENARAI PROGRAM/AKTIVITI/PENGLIBATAN UNIT PROMOSI BAGI BULAN JANUARI – DISEMBER 2019

BIL.	PERKARA	LOKASI	TETAMU DAN KARYAWAN JEMPUTAN	TARIKH PROGRAM	JUMLAH PENGUNJUNG
A	PAMERAN INDUSTRI KREATIF				
1.	Program Kenegaraan dan Bintang Patriotik Mega 2019	Mydin Mall, Mutiara Rini, Johor	YB Tuan Sheikh 'Umar Bagharib Bin Ali Eyra Hazali	21 - 23 Februari 2019	140 Pengunjung
2.	Jelajah Sinema: Apresiasi Sinema Promosi FFM30	GSC Melawati Mall, Kuala Lumpur	DJ Sonic (MC), Mas Khan, Adam Shahz, Putera Amaris	16 Mac 2019	100 Pengunjung
3.	Lensa Skrin FFM	Zon I: UNIMAS, Sarawak	-	16 Mac 2019	150 Pengunjung
4.	Jelajah Sinema: Apresiasi Sinema Promosi FFM30	GSC Setia City Mall, Selangor	DJ Sonic (MC), Adam Shahz, Pekin Ibrahim	17 Mac 2019	150 Pengunjung
5.	Lensa Skrin FFM	Zon II: UMS, Sabah	-	18 Mac 2019	150 Pengunjung
6.	Jelajah Sinema: Apresiasi Sinema Promosi FFM30	GSC Times Square, Kuala Lumpur	DJ Sonic (MC), Pekin Ibrahim, Shawani NS, Hairul Azreen	23 Mac 2019	150 Pengunjung
7.	Lensa Skrin FFM	Zon III: FINAS Ulu Kelang, Selangor	-	23 Mac 2019	150 Pengunjung
8.	Jelajah Sinema: Apresiasi Sinema Promosi FFM30	GSC IOI City Mall Putrajaya	DJ Sonic (MC), Zalif Sidek, Kodi Rasyid, Amar Asyraf Sangeeta Krishnasamy	24 Mac 2019	150 Pengunjung
9.	Jelajah Sinema: Apresiasi Sinema Promosi FFM30	GSC Alamanda Putrajaya	Alif Kadim (MC), Faizal Hussein, Zalif Sidek, Shawani NS	27 Mac 2019	100 Pengunjung

BIL.	PERKARA	LOKASI	TETAMU DAN KARYAWAN JEMPUTAN	TARIKH PROGRAM	JUMLAH PENGUNJUNG
10.	Eksplorasi Seni bersama Artis FFM	Aswara, Kuala Lumpur	Dain Saidin Sangeeta Krishnasamy Nam Ron Ebby Yus	27 Mac 2019	150 Pengunjung
11.	Lensa Skrin FFM	Zon IV: Putrajaya	-	30 Mac 2019	150 Pengunjung
12.	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur	PWTC Kuala Lumpur	Fendy Bakry & Jasmine Suraya Chin	6 – 7 April 2019	160 Pengunjung
13.	Asean International Film Festival and Awards (AIFFA 2019)	Old Court House, Kuching, Sarawak	YB Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah Anding Indrawani	25 – 27 April 2019	141 Pengunjung
14.	Program Kembara Digital Malaysia (KDM)	Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Perak	YB. Tuan Gobind Singh Deo YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad YBrs. Encik Al-Ihsal Ishak YB. Hasnul Zulkarnain Abd Munaim Bell Ngasri	27 – 28 Julai 2019	450 pengunjung
15.	Program Caring Bridge – Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2019	Dataran Pahlawan, Melaka	YAB. Tun Dr. Mahathir Mohamad YB. Tuan Gobind Singh Deo YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad YAB. Tuan Hj. Adly Zahari YBrs. En. Ahmad Idham Ahmad Nadzri YBrs. Tn. Hj. Khalid Maulod Atu Zero	2-4 Ogos 2019	450 pengunjung

BIL.	PERKARA	LOKASI	TETAMU DAN KARYAWAN JEMPUTAN	TARIKH PROGRAM	JUMLAH PENGUNJUNG
16	MyMerdeka ZON Subang Jaya	Mydin USJ Subang Jaya, Selangor	YB. Michelle Ng Mei Sze	16 – 18 Ogos 2019	150 pengunjung
17.	Minggu Usahawan Nasional 2019 (MUN 2019)	Hall A, MAEPS Serdang, Selangor	YB. Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof	29 Ogos – 1 September 2019	200 pengunjung
18.	Pameran sempena Perhimpunan Bulanan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Auditorium JPA, Kompleks C, Putrajaya	YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah	5 September 2019	100 pengunjung
19.	MyMerdeka Zon Utara	Mydin Mall Bukit Mertajam, Pulau Pinang	YB. Dr. Afifi bin Bahardin Sharifah Shahora	6 – 8 September 2019	250 pengunjung
20.	MyMerdeka Zon Selatan	Mydin Mall Seremban 2, Negeri Sembilan	YB. Cha Kee Chin Jasmin Hamid	13-15 September 2019	200 pengunjung
21.	Putrajaya Open Day	Lobi & Dewan Serbaguna B1, Kompleks KKMM, Putrajaya	YB. Tuan Gobind Singh Deo	5 Oktober 2019	150 pengunjung
22.	Sepakat @ Komuniti Peringkat Negeri Pahang	Dataran Terminal Bus Inderapura, Jerantut, Pahang	YB. Puan Hjh. Fuziah Salleh	11 – 13 Oktober 2019	350 pengunjung
23.	Kembara Digital Malaysia (KDM)	Kuala Pilah, Negeri Sembilan	YB. Tuan Haji Eddin Syazlee Shith, YBrs. En. Ahmad Idham Ahmad Nadzri Ropie	23 – 24 November 2019	200 pengunjung

BIL.	PERKARA	LOKASI	TETAMU JEMPUTAN ARTIS/ KARYAWAN JEMPUTAN	TARIKH PROGRAM	JUMLAH PENGUNJUNG
B.		PROGRAM MERAKYATKAN/TAYANGAN/WAYANG PACAK FILEM TEMPATAN			
1.	Program Kenegaraan dan Bintang Patriotik Mega 2019 Filem: Paskal	Mydin Mall, Mutiara Rini, Johor	-	21 – 23 Februari 2019	200 pengunjung

BIL.	PERKARA	LOKASI	TETAMU JEMPUTAN ARTIS/ KARYAWAN JEMPUTAN	TARIKH PROGRAM	JUMLAH PENGUNJUNG
2.	Program Sisipan sempena FFM30 – Lensa Sinema: Apresiasi Sinema Tayangan Filem: Paskal & One Two Jaga serta sesi Q & A	Miniplex FiTA, Kampus Puncak Perdana UiTM	Chee Ang & Nam Ron	23 Mac 2019	75 pengunjung
3.	<i>London ASEAN Film Festival 2019</i> Filem: <i>Lee Chong Wei: Rise of The Legend</i>	<i>Brunei Hall, SOAS University of London</i>	-	25 Mei 2019	100 pengunjung
4.	<i>Program Kembara Digital Malaysia (KDM)</i> Filem: <i>Pulang</i>	Pentas Utama, Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru, Perak	-	27 -28 Julai 2019	120 pengunjung
5.	Bangkok ASEAN Film Festival 2019 Filem: Motif	Infinity Hall, Paragon Complex, Siam Paragon, Bangkok, Thailand	-	3-8 Julai 2019	150 pengunjung
6.	<i>India ASEAN Film Festival 2019</i> Filem: <i>Vedigundu Passange</i> Filem: <i>Adiwiraku</i>	<i>National Museum of India Cinema, Mumbai India</i>	-	8-11 Ogos 2019	200 pengunjung
7.	Dili ASEAN Film Festival Filem: <i>One Two Jaga</i> Filem: <i>Adiwiraku</i>	Kedutaan Besar Timor Leste	-	Ogos 2019	150 pengunjung
8.	Festival Filem negara-negera ASEAN Thailand 2019 Filem: <i>Adiwiraku</i>	Malawakil Colombo, Sri Lanka	-	Ogos 2019	150 pengunjung
9.	Program Minggu Sains Negara (Fasa Kedua) Filem: <i>Paskal</i>	Padang Kota Lama, Georgetown, Pulau Pinang	-	19-24 Ogos 2019	250 pengunjung

BIL.	PERKARA	LOKASI	TETAMU JEMPUTAN ARTIS/ KARYAWAN JEMPUTAN	TARIKH PROGRAM	JUMLAH PENGUNJUNG
10.	MyMerdeka Zon Utara Filem: Paskal & KL Special Force	Mydin Mall Bukit Mertajam, Pulau Pinang	YB. Dr. Afifi bin Bahardin Sharifah Shahora	6 – 8 September 2019	250 pengunjung
11.	MyMerdeka Zon Utara Filem: Pulang	Mydin Mall Seremban 2, Negeri Sembilan	YB. Tuan Eddin Syazlee Shith YB. Cha Kee Chin Jasmin Hamid	13-15 September 2019	200 pengunjung
12.	Putrajaya Open Day Filem: <i>Shuttle Life</i> Filem: Paskal Filem: Vedigundu Passange	Lobi & Dewan Serbaguna B1, Kompleks KKMM, Putrajaya	YB. Tuan Gobind Singh Deo	5 Oktober 2019	150 pengunjung
13.	Tayangan Bestari Wilayah Persekutuan Putrajaya 2019 Filem: Polis Evo 2 (JAPEN Wilayah Persekutuan Putrajaya)	Food truck Presint 2 Presint 9 Presint 14 Dataran Presint 2	-	28 – 31 Disember 2019	100 pengunjung

BIL.	PERKARA	LOKASI	TETAMU DAN KARYAWAN JEMPUTAN	TARIKH PROGRAM	JUMLAH PENGUNJUNG
C.	KELAB PENCINTA FILEM (KPF)				
1.	Kem Seni & Retreat Budaya: Bicara Tokoh Seni Kelab Pencinta Filem Universiti Malaysia Terengganu	Asia Camp, Ampang Pechah, Kuala Kubu Baru, Selangor	Eddy Yus	14 Disember 2019	45 pelajar



BAHAGIAN GALAKAN 彭GGAMBARAN

- » UNIT FIMI**
- » UNIT KERJASAMA STRATEGIK**



LATAR BELAKANG

Bahagian Galakan Penggambaran terbahagi kepada dua unit iaitu Unit FIMI dan Unit Kerjasama Strategik.

OBJEKTIF BAHAGIAN

Menggalak & mempromosikan Malaysia sebagai destinasi penggambaran dan hub penerbitan kandungan domestik serta antarabangsa melalui strategi insentif penerbitan filem di Malaysia.

Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia / Film in Malaysia Incentive (FIMI)**Apakah Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI)?**

“Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI) adalah usaha Kerajaan untuk menarik pelabur dalam penerbitan Filem & TV bagi menjalankan aktiviti profileman di Malaysia. Dengan adanya insentif ini akan menjadikan Malaysia sebagai hub destinasi penggambaran dengan menawarkan 30% rebat tunai ke atas Perbelanjaan Kos Produksi di Malaysia/ *Qualifying Malaysia Production Expenditure (QMPE)* yang meliputi aktiviti produksi & pasca produksi tempatan & antarabangsa”

FUNGSI UNIT FIMI

Antara fungsi utama Unit FIMI adalah:

- i. Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa FIMI;
- ii. Menyertai Pasaran Lokasi dan Kandungan Kreatif Tempatan dan Antarabangsa bagi mempromosikan FIMI dan Malaysia sebagai hub destinasi penggambaran dan penerbitan filem;
- iii. Membina dan mengekalkan hubungan dengan penerbit dan pelabur tempatan dan antarabangsa;
- iv. Mengadakan pemantauan di lokasi penggambaran bagi projek-projek yang menerima insentif FIMI

PENCAPAIAN

Bagi tahun 2019, FIMI telah dipertanggungjawabkan KPI sebanyak RM120 juta pelaburan ke dalam Malaysia dan FIMI telah berjaya menarik sebanyak RM 122,532,467.79 nilai pelaburan yang terdiri daripada 7 projek antarabangsa dan 5 projek domestik.

FIMI telah menyertai pasaran kandungan kreatif *Marche International Des Films Et Des Programmes Pour La Tv, La Video, Le Cable Et Le Satellit* atau MIPCOM pada 14 – 18 Oktober 2019 bertempat di Palais De Festival, Cannes, Perancis. Melalui penyertaan ini FIMI telah berjaya menarik minat pelabur asing untuk menjalankan penggambaran di Malaysia dengan anggaran nilai pelaburan berjumlah RM90 juta.

FUNGSI UNIT KERJASAMA STRATEGIK

- i. Penyelaras Perjanjian Kerjasama Penerbitan (*Film Co-Production Agreement*) antara Malaysia dengan Negara Luar;
- ii. Membina dan mengekalkan jaringan dengan badan profileman antarabangsa;
- iii. Mengenalpasti dan menyelaras projek kerjasama penerbitan filem antara penerbit tempatan dan antarabangsa

PENCAPAIAN

Perjanjian usahasama penerbitan filem (*Co-production Treaty Agreement*) di antara kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Australia telah dimeterai pada 29 November 2019 di Sydney, Australia.

Dengan adanya perjanjian ini dijangka akan merancakkan industri kandungan kreatif tempatan dengan kemasukkan projek-projek penerbitan filem secara usaha sama antara penerbit Malaysia dan Australia.

Pada masa ini, Bahagian ini sedang dalam perbincangan dengan beberapa buah negara dan badan perfileman antarabangsa untuk memeterai perjanjian usahasama penerbitan filem. Antaranya termasuklah Kanada, China dan *British Film Institute* (BFI).




Perjanjian usaha sama (*Co-Production*) di antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Australia. Perjanjian dimeterai oleh Menteri Luar Negeri Malaysia, Dato' Saifuddin Abdullah dan Menteri Luar Negeri Australia, Senator Marise Payne

**“BAGI TAHUN 2019, FIMI TELAH
DIPERTANGGUNGJAWABKAN
KPI SEBANYAK RM120 JUTA
PELABURAN KE DALAM MALAYSIA
DAN FIMI TELAH BERJAYA MENARIK
SEBANYAK RM122,532,467.79
NILAI PELABURAN YANG TERDIRI
DARIPADA 7 PROJEK ANTARABANGSA
DAN 5 PROJEK DOMESTIK..”**





| BAHAGIAN | KEJURUTERAAN



UNIT PENYELENGGARAAN AM BANGUNAN

LATAR BELAKANG

Unit Penyelenggaraan Am Bangunan telah memperolehi peruntukan Bajet Mengurus sebanyak **RM923,720.00** pada tahun 2019. Unit ini telah dipertanggungjawabkan untuk memulihara, menjaga, membaiki atau mencegah kerosakan berlaku ke atas sesuatu peralatan/utiliti supaya ia dapat berfungsi dengan sempurna di keseluruhan FINAS Hulu Kelang dan FINAS Petaling Jaya.

FUNGSI

Unit Penyelenggaraan Am Bangunan berfungsi untuk :

- 1) Melaksanakan kerja-kerja baikpulih dan penyelenggaraan kerosakan bagi Civil & Structure (C&S) dan Mechanical & Electrical (M&E) yang terdiri daripada kemudahan Lif, Pencegah Kebakaran, Pemadam Api, Penyaman Udara, Elektrikal, struktur bangunan, CCTV, Telefon, Fax, Jalan, Paip/Air dan lain-lain yang berkaitan.

SENARAI PROGRAM/PROJEK UTAMA SEPANJANG TAHUN

- 1) Kerja-kerja penggantian kabel elektrik bawah tanah dari MSB1 ke SSB Bangunan Asrama.
- 2) Kerja-kerja pemberian 2 unit motor *water pump* di tangki air Bangunan Utama, FINAS Hulu Kelang.
- 3) Kerja-kerja Penentukan *Relay Calibration* di pasangan Elektrik FINAS Hulu Kelang.
- 4) Kerja-kerja penggantian paip air di Bangunan Utama, FINAS Hulu Kelang.
- 5) Kerja-kerja pemberian plaster siling di dalam Studio *Digital Mix Stage*.
- 6) Kerja-kerja penggantian jubin yang pecah di Kawasan lobi Studio *Digital Mix Stage*.
- 7) Kerja-kerja membaiki dan mengganti lapisan kalis air di Studio Sound Stage Hulu Kelang.
- 8) Kerja-kerja penggantian *membrane* di Bangunan Utama, FINAS Petaling Jaya.
- 9) Kerja-kerja membaikpulih *gutter* dan salur air hujan di Kompleks FINAS Petaling Jaya.
- 10) Kerja-kerja pembersihan tangki air (8 unit) di Kompleks FINAS Petaling Jaya.
- 11) Kerja-kerja penggantian paip PVC Class 7 di tandas Bangunan Senireka dan Bangunan Makmal baru FINAS Petaling Jaya.
- 12) Kerja-kerja pemberian kebocoran paip bawah tanah di Kompleks FINAS Petaling Jaya.
- 13) Kerja-kerja pemberian keretakan pada dinding (luar & dalam) ruang pejabat Mediatheque, aras 4, Bangunan Utama, FINAS Petaling Jaya.
- 14) Kerja-kerja pemberian strip ceiling di lobi Museum of Moving Images (MOMI).
- 15) Kerja-kerja pemberian sistem Siar Raya / PA Sistem yang mengalami kerosakan di FINAS Petaling Jaya.
- 16) Kerja-kerja penggantian lampu LED di persekitaran Kompleks FINAS Petaling Jaya.
- 17) Kerja-kerja pemberian unit Hawa Dingin di Bilik Mesyuarat Utama dan Panggung 1 FINAS Petaling Jaya.

- 18) Kerja-kerja pemberian unit luaran bagi sistem penyejukan di bilik Film *Vault* 3 FINAS Petaling Jaya.
 - 19) Kerja-kerja pemberian unit luar dan unit dalam bagi sistem penghawa dingin jenis *fan coil unit package* di Studio Pentas Bunyi Kompleks FINAS Petaling Jaya.
 - 20) Kerja-kerja penyelenggaraan *one-off Cooler Unit* dan *Fan Coil Unit* di Film *Vault* lama dan Film *Vault* baru aras 1 di FINAS Petaling Jaya.
 - 21) Kerja-kerja penggantian *charger card* bagi sistem janakuasa tunggu sedia Scania 300kva di FINAS Petaling Jaya.
 - 22) Kerja-Kerja Penggantian Bateri *Nickel Cadmium*, *Charger Card* dan *Digital Power Meter* (Voltmeter dan Ammeter) Untuk Bilik HT1, Kompleks FINAS Petaling Jaya.
 - 23) Kerja-kerja pemberian *Chiller* unit 1 bagi pengoperasian sistem secara giliran dan kerja-kerja *annual shutdown* bagi *Chiller unit* no.1 dan no.3 di Kompleks FINAS Petaling Jaya.
 - 24) Kerja-kerja penggantian geganti (relay) *over current* di ruang Penyuntingan dan ruang kerja Makmal Negatif FINAS Petaling Jaya.
 - 25) Kerja-kerja penyelenggaraan *one-off Humidifier System* di Bangunan Film *Vault*, FINAS Petaling Jaya.
 - 26) Kerja-kerja pemberian Sistem Penyamanan Udara jenis *Air Handling Unit (AHU)* di Panggung 2, Kompleks FINAS Petaling Jaya.
 - 27) Kerja-kerja pemberian sistem pencegah kebakaran di FINAS Petaling Jaya.
-

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN 2019

Pelaksanaan Kerja-Kerja Penyelenggaraan

Sebanyak **37** kerja-kerja pemberian yang telah dirancang untuk dilaksanakan dan telah berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang. Manakala bagi aduan kerosakan sebanyak **391** aduan kerosakan yang diterima pada tahun 2019.


.....

DATA & STATISTIK MELIBATKAN PENCAPAIAN PROGRAM/PROJEK (SEKIRANYA ADA)

Perbelanjaan Peruntukan Mengurus

Unit Penyelenggaraan Am Bangunan telah membelanjakan sebanyak **RM946,751.00** bagi melakukan kerja-kerja pemberian dan penyelenggaraan untuk tahun 2019.


**PERBELANJAAN MENGURUS
UNIT PENYELENGGARAAN AM BANGUNAN 2019**




Perbelanjaan melebihi peruntukan adalah berpunca daripada kerosakan luar jangka di mana Unit ini telah memohon peruntukan tambahan sebanyak **RM23,031.40**.



Kerja-kerja pengantian kabel elektrik bawah tanah dari bilik elektrik utama MSB ke bilik elektrik agihan SSB



Kerja-kerja pembaikan 2 unit *motor water pump* di tangki air Bangunan Utama FINAS Hulu Kelang



Kerja-kerja membaiki dan mengganti lapisan kalis air di Studio Sound Stage Hulu Kelang




Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembentukan penyaman udara (AHU)



Kerja-kerja penggantian lampu LED di persekitaran Kompleks FINAS Petaling Jaya



Kerja-kerja pembentukan Chiller dan annual shutdown Chiller di Kompleks FINAS Petaling Jaya



Kerja-kerja membaikpulih *gutter* dan salur air hujan di Kompleks FINAS Petaling Jaya



Kerja-kerja penggantian *membrane* di Bangunan Utama FINAS Petaling Jaya

BAHAGIAN TEKNOLOGI AUDIO VISUAL

- » UNIT FASILITI PRODUKSI**
- » UNIT TEKNOLOGI FASILITI**
- » UNIT PENYELIAAN STUDIO**



LATAR BELAKANG

Bahagian Teknologi Audio Visual (BTAV) berfungsi bagi melaksanakan fungsi FINAS berdasarkan :

- i) Akta 244 Seksyen 6 (1) – (f) Untuk mengurus dan mengawasi penyenggaraan dan pengendalian tempat dan peralatan kepunyaan Perbadanan bagi maksud subseksyen (2) (c);
- ii) Akta 244 Seksyen 6 (2) – (c) Untuk mengadakan atau membantu dalam pengeluaran perkhidmatan, kemudahan dan peralatan profileman untuk pengeluar, pengedar dan pempamer filem dan pemunya dewan wayang gambar.

Bahagian ini berfungsi untuk memberi perkhidmatan kepada FINAS khususnya dan pihak Kementerian juga industri amnya. Selain dari itu BTAV memain peranan dalam mencari dan meneroka teknologi terkini dalam industri profileman dan penyiaran bagi selaras dengan teknologi semasa dan terkehadapan. Penambahbaikan dalam perolehan peralatan dan sistem untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan berkesan.

OBJEKTIF BAHAGIAN / UNIT

Menyokong dan membantu FINAS dalam menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan profileman Malaysia melalui teknologi.

FUNGSI BAHAGIAN / UNIT

FUNGSI UTAMA BAHAGIAN

- i. Menyokong dan membantu FINAS dalam menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan profileman Malaysia melalui teknologi.
- ii. Memastikan segala kemudahan fasiliti peralatan dan perkhidmatan FINAS berkendali dan berada dalam keadaan yang baik.
- iii. Untuk menentukan supaya operasi setiap aktiviti diuruskan selaras dengan dasar, rancangan dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan dan memastikan bahawa dasar-dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan dipatuhi.

35.	AK/2019 - (35)	PROGRAM SANTUNI RAKYAT (PSR)	29.06.2019	MYDIN, PETRA JAYA
36.	AK/2019 - (36)	LIPUTAN SARAWAK <i>INTERNATIONAL FESTIVAL OF MUSIC AND ARTS (SIFMA) GALA CONCERT 2</i>	29.06.2019	DEWAN UNDANGAN NEGERI (LAMA)
37.	AK/2019 - (37)	LIPUTAN PROGRAM TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA	29.06.2019	DEMAK JAYA, KUCHING
38.	AK/2019 - (38)	LIPUTAN PROGRAM LAWATAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG	05.07.2019	SEKITAR KUCHING
39.	AK/2019 - (39)	KUNJUNGAN HORMAT MENTERI BELIA DAN SUKAN SYED SADDIQ SYED ABDUL RAHMAN KEPADA KETUA MENTERI	15.07.2019	WISMA BAPA MALAYSIA
40.	AK/2019 - (40)	SAMBUTAN HARI SARAWAK	19-24.07.2019	BINTULU, SARAWAK
41.	AK/2019 - (41)	KUNJUNGAN HORMAT TERHADAP KETUA MENTERI SARAWAK OLEH YB TIMBALAN MENTERI KKMM	16-17.07.2019	SEKITAR KUCHING

BIL.	NO PRODUKSI	TAJUK	TARIKH LIPUTAN	LOKASI
42.	AK/2019 - (42)	MAJLIS MAKAN MALAM "HARAPAN SARAWAK BARU" & PROGRAM LAWATAN KERJA TAN SRI MUHYIDDIN HJ MOHD YASSIN KE SARAWAK	28-29.07.2019	SEKITAR KUCHING
43.	AK/2019 - (43)	LIPUTAN ARKIB MAJLIS PERASMIAN HARI BANDARAYA KUCHING KE-31	01.08.2019	DEWAN KOMPLEKS ISLAM SARAWAK
44.	AK/2019 - (44)	LIPUTAN ARKIB PELANCARAN KEMPEN JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI SARAWAK	06.08.2019	JAPEN KUCHING
45.	AK/2019 - (45)	LIPUTAN ARKIB OPERASI KERAKYATAN DI BA'MAGOH DAN BARIO	03-11.08.2019	BA'MAGOH DAN BARIO
46.	AK/2019 - (46)	LIPUTAN ARKIB MESYUARAT JAWATANKUASA PENGELOLA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2019 (BIL. 1/2019)	08.08.2019	SEKITAR KUCHING
47.	AK/2019 - (47)	LIPUTAN ARKIB SAMBUTAN HARI MERDEKA 31 OGOS 2019	28-31.08.2019	KOTA KINABALU SABAH
48	AK/2019 - (48)	LIPUTAN ARKIB SAMBUTAN HARI MERDEKA 31 OGOS 2019	29-01.09.2019	SARIKEI SARAWAK
49.	AK/2019 - (49)	LIPUTAN ARKIB AKTIVITI PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH SENI	26.08.2019	SEKITAR KUCHING
50.	AK/2019 - (50)	LIPUTAN ARKIB PROGRAM LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KKMIM KE KUCHING SARAWAK	26-27.08.2019	SEKITAR KUCHING
51.	AK/2019 - (51)	LIPUTAN ARKIB PROGRAM YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK	29.08.2019	ASTANA NEGERI SARAWAK

BIL.	NO PRODUKSI	TAJUK	TARIKH LIPUTAN	LOKASI
52.	AK/2019 - (52)	LIPUTAN ARKIB MESYUARAT JAWATANKUASA PENGELOLA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2019 (BIL 2/2019)	04.09.2019	WISMA BAPA MALAYSIA, PETRA JAYA KUCHING
53.	AK/2019 - (53)	LIPUTAN ARKIB MAJLIS JAMUAN TEH SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN SPB YDP AGONG KE-16	08.09.2019	SERIAN
54.	AK/2019 - (54)	LIPUTAN ARKIB LAWATAN MENTERI MENGHADIRI RAPTAI HARI MALAYSIA	13-17.09.2019	SEKITAR KUCHING & KOTA SAMARAHAN
55.	AK/2019 - (55)	LIPUTAN ARKIB PROGRAM KONVOI MERDEKA	13-17.09.2019	SEKITAR KUCHING & KOTA SAMARAHAN
56.	AK/2019 - (56)	LIPUTAN ARKIB KUNJUNGAN HORMAT TYT	13-17.09.2019	SEKITAR KUCHING & KOTA SAMARAHAN
57.	AK/2019 - (57)	LIPUTAN ARKIB JUM BERAME BERSAMA MENTERI KKMM	13-17.09.2019	SEKITAR KUCHING & KOTA SAMARAHAN
58.	AK/2019 - (58)	LIPUTAN ARKIB KONSERT OKESTRA RTM	13-17.09.2019	SEKITAR KUCHING & KOTA SAMARAHAN
59.	AK/2019 - (59)	LIPUTAN ARKIB HARI MALAYSIA	13-17.09.2019	SEKITAR KUCHING & KOTA SAMARAHAN
60.	AK/2019 - (60)	LIPUTAN ARKIB PROGRAM KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF FINAS DI KUCHING	13-17.09.2019	SEKITAR KUCHING & KOTA SAMARAHAN
61.	AK/2019 - (61)	LIPUTAN ARKIB LAWATAN KERJA DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERLIS KE KUCHING DAN SAMARAHAN	20-22.09.2019	SEKITAR KUCHING & KOTA SAMARAHAN

BIL.	NO PRODUKSI	TAJUK	TARIKH LIPUTAN	LOKASI
62.	AK/2019 - (62)	LIPUTAN ARKIB SAMBUTAN HARI JADI TYT SABAH	04-06.09.2019	SABAH
63.	AK/2019 - (63)	LIPUTAN ARKIB SAMBUTAN PERAYAAN HARI LAHIR KE-83 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUAN NEGERI SARAWAK	08-15.09.2019	MIRI, SARAWAK
64.	AK/2019 - (64)	LIPUTAN ARKIB TAKLIMAT KEMPEN BELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA	03.10.2019	RTM KUCHING
65.	AK/2019 - (65)	LIPUTAN ARKIB DRAMA FESTIVAL KUALA LUMPUR 2019 (DFKL)	10-12.10.2019	SEKITAR KUCHING & KOTA SAMARAHAN
66.	AK/2019 - (66)	LIPUTAN ARKIB TAKLIMAT BAJET 2020 PERINGKAT NEGERI SARAWAK	22.10.2019	RTM KUCHING
67.	AK/2019 - (67)	LIPUTAN ARKIB MALAM GALA "BORNEO CRAFT TEXTILE"	29.10.2019	HOTEL HILTON KUCHING
68.	AK/2019 - (68)	<i>MEDIA ENGAGEMENT WITH SARAWAK MEDIA</i>	25.10.2019	PEJABAT POS
69.	AK/2019 - (69)	LIPUTAN ARKIB TEMASYA WARISAN OLD KUCHING SMART HARITAGE (OKSHE) 2019	26.10.2019	PADANG MERDEKA KUCHING
70.	AK/2019 - (70)	LIPUTAN MEDIA KE MAJLIS MALAM KENANGAN TERINDAH JABATAN PENERANGAN MALAYSIA SARAWAK	06.11.2019	DEWAN SRI BUNGA RAMPAI JALAN TAMAN BUDAYA KUCHING
71.	AK/2019 - (71)	LIPUTAN MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SARAWAK	08-09.2019	SEKITAR KUCHING
72.	AK/2019 - (72)	LIPUTAN PROGRAM <i>MEDIA ENGAGEMENT</i> 2019	16.11.2019	SEKITAR KUCHING

BIL.	NO PRODUKSI	TAJUK	TARIKH LIPUTAN	LOKASI
73.	AK/2019 - (73)	LIPUTAN ARKIB UNTUK KDYMM YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA PERMAISURI AGONG DI LABUAN	25-27.11.2019	LABUAN
74.	AK/2019 - (74)	INVITATION TO PARTICIPATE IN VIP WALK IN CONJUNCTION WITH DIGITAL COMMUNITY RUN 2019	30.11.2019	SEKITAR KUCHING
75.	AK/2019 - (75)	LIPUTAN ARKIB ISTIADAT ANGKAT SUMPAH PEMANGKU TYT YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK	30.11.2019	ASTANA NEGERI SARAWAK
76.	AK/2019 - (76)	LIPUTAN ARKIB HARI PERKHIDMATAN AWAM 2019	04.12.2019	BCCK
77.	AK/2019 - (77)	LIPUTAN ARKIB OPERASI BERSAMA BAHAGIAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN DI NEGERI SARAWAK	11-16.12.2019	MIRI-BINTULU-SIBU DAN KUCHING
78.	AK/2019 - (78)	LIPUTAN ARKIB PROGRAM PENGUKUHAN FINAS SARAWAK	16-17.12.2019	DAMAI BEACH RESORT
79.	AK/2019 - (79)	LIPUTAN ARKIB SIDANG MEDIA PENGELUARAN FILEM IBAN “BUNGAI NGEREMBAI”	28.12.2019	SEKITAR KUCHING

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI/PROGRAM



Krew FINAS Cawangan Sarawak sedang membuat penggambaran di lokasi



Krew FINAS Cawangan Sarawak menghadiri Malam Anugerah Media



Team FINAS Cawangan Sarawak Bersama Pengerusi FINAS dan Ketua Pegawai Eksekutif FINAS



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



LATAR BELAKANG

Objektif Unit Komunikasi Korporat adalah seperti berikut:

- Membina, memelihara dan meningkatkan imej Perbadanan melalui strategi pemasaran maklumat perkhidmatan yang berkesan;
- Memupuk dan meningkatkan hubungan korporat yang harmoni di antara Perbadanan dengan pihak industri, media massa dan pelanggan;
- Mengurus dan mengawal selia segala aktiviti yang berhubung kait dengan isu dan aduan awam terhadap perkhidmatan yang diberikan.

FUNGSI

- Merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti peningkatan imej Perbadanan melalui pelan promosi dan publisiti;
- Penyampaian dan penyaluran maklumat yang tepat, pantas dan terkini berkaitan program-program anjuran FINAS dan industri profileman melalui saluran rasmi FINAS;
- Pengukuhan hubungan strategik di antara FINAS dengan media-media tempatan dan persatuan-persatuan profileman;
- Pengurusan aduan, pertanyaan, maklum balas dan cadangan yang diterima dari orang awam dan penggiat industri;
- Penyelarasan lawatan bersepadau dari pihak kementerian, agensi kerajaan, badan berkanun, industri, IPTA dan IPTS.

LAMAN PORTAL DAN MEDIA SOSIAL RASMI FINAS

Laman Portal FINAS, www.finas.gov.my merupakan salah satu saluran rasmi daripada empat (4) platform media sosial elektronik FINAS termasuk "Facebook – FINASMalaysia", "Twitter -@FinasMy", dan Instagram – Finas Malaysia yang berfungsi sepenuhnya dalam menyampaikan dan menyebarkan maklumat tepat dan cepat berkaitan FINAS dan perkembangan industri kreatif tempatan dalam bentuk kandungan interaktif meliputi berita, penerbitan video, laporan dan artikel. Laman sesawang rasmi FINAS telah mencapai *hits* sebanyak 1,028,368 juta capaian pada tahun 2019 manakala media sosial Facebook – FINAS Malaysia mencatatkan peningkatan pengunjung laman sosial sebanyak 22,337 ribu berbanding tahun sebelum iaitu 19,000 ribu pengunjung sahaja.

Di laman portal www.finas.gov.my ini mempunyai maklumat mengenai piagam FINAS, maklumat Ahli-ahli Perbadanan dan Kumpulan Pegawai Pengurusan Tertinggi FINAS, berita-berita terkini berkaitan FINAS dan industri, perkhidmatan dan aktiviti yang dilaksanakan FINAS, maklumat-maklumat seperti Skim Wajib Tayang, maklumat lesen, kemudahan fasiliti FINAS meliputi sewaan studio dan peralatan profileman, info berkaitan pembangunan modal insan termasuk penganjuran seminar/bengkel serta artikel berhubung pencapaian industri tempatan dan antarabangsa.

Pelbagai jaringan ilmu berkaitan profileman sama ada dalam dan luar negara dikongsi di dalam laman sosial FINAS Malaysia bagi menyampaikan maklumat secara terus kepada pengunjung yang mengikuti perkembangan industri semasa.

PROGRAM KEBAJIKAN ZIARAH KASIH FINAS BERSAMA PENGGIAT INDUSTRI KREATIF

Unit Komunikasi Korporat juga berperanan dalam memantau dan memelihara kebaikan penggiat industri kreatif melalui program-program sosial (*Corporate Social Responsibility - CSR*) yang dijenamakan sebagai Program Ziarah Kasih FINAS seperti membuat kunjungan dan menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai bagi kematian, sakit / kurang berupaya atau yang ditimpa musibah. Antara penggiat industri kreatif yang menerima kunjungan rasmi dan sumbangan daripada pihak FINAS sepanjang tahun 2019 ialah pelakon dan pengarah Mat Sentol, AR Badul, Ebby Yus dan pengarah drama tv Murali Abdullah. Selain daripada itu, FINAS juga berkesempatan menziarahi keluarga pelakon Allahyarham Mior Ahmat Zaudi sebagai memenuhi tanggungjawab sosial FINAS. Program Ziarah Kasih ini juga turut disertai persatuan-persatuan perfileman Malaysia seperti Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN), Persatuan Kebajikan Artis Veteran Malaysia (PKAVM) dan Persatuan Karyawan Malaysia (KARYAWAN).



Program Ziarah Kasih FINAS bersama Ebby Yus

PROGRAM INTEGRASI ILMU DAN SINERGI INDUSTRI BERSAMA KEMENTERIAN, BADAN - BADAN KERAJAAN DAN SWASTA, INSTITUSI PENGAJIAN DAN KOMUNITI LUAR BANDAR

Sepanjang tahun 2019, Unit Komunikasi Korporat dengan kerjasama Unit Mediatheque dan Bahagian Makmal, Restorasi dan Preservasi telah dipertanggungjawabkan untuk mengendali hampir 20 program integrasi ilmu dan sinergi industri di *Museum of Moving Images (MOMI)* FINAS Petaling Jaya terdiri daripada kakitangan kerajaan, orang awam dan para pelajar. Program seumpama ini dianjurkan bagi menyampaikan maklumat secara jelas berkaitan fungsi FINAS dalam memajukan industri kreatif negara disamping mendedahkan peserta / pengunjung berkaitan *Museum of Moving Images (MOMI)*. Selain lawatan ke *Museum of Moving Images (MOMI)* yang memaparkan khazanah perfileman, para peserta program juga turut berpeluang melihat dengan lebih dekat pameran peralatan perfileman serta berkunjung ke *Negative Room* dan Makmal Warna P. Ramlee bagi mendalami pengetahuan dalam bidang restorasi dan pendigitalan kandungan.



Program Integrasi Ilmu FINAS bersama IPTA



Program Sinergi Industri FINAS bersama Kementerian Pertahanan Malaysia

SOKONGAN FINAS TERHADAP PEMBANGUNAN INDUSTRI KREATIF TEMPATAN

Selaras dengan meningkatkan pembangunan industri kreatif tempatan samada di peringkat domestik ataupun antarabangsa, FINAS melalui Unit Komunikasi Korporat telah menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai pihak bagi merealisasikan program anjuran badan-badan tertentu melalui sokongan bantuan kewangan dan pembangunan modal insan. Unit Komunikasi Korporat juga sering

membuat liputan dan promosi berkaitan program-program ilmiah perfileman seperti program @ Wayang Budiman, tayangan perdana bagi filem-filem terbaru, program wacana dan banyak lagi. Selain itu, Unit Komunikasi Korporat juga telah bekerjasama dengan Pusat Pungutan Zakat Kuala Lumpur dalam menganjurkan Kejohanan Boling FINAS, PPZ & Selebriti 2019 yang melibatkan Persatuan Seniman Malaysia, Persatuan Pekerja Filem Profesional Malaysia (PROFIMA), dan Persatuan Kebajikan Artis Veteran Malaysia (PKAVM).



Antara aktiviti yang dijalankan bersama Persatuan Perfileman dan rakan strategik FINAS



UNIT AUDIT DALAM



UNIT AUDIT DALAM

LATAR BELAKANG

Unit Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas yang memberi jaminan dan khidmat rundingan secara objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi organisasi. Ia membantu organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA UNIT AUDIT DALAM

BIL.	PERKARA	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN 2019
1.	Pengauditan Pengurusan Aset Alih FINAS 2019	Menilai sama ada pengurusan aset alih dan stor FINAS telah dirancang dan dilaksanakan secara teratur, rekod diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan memenuhi keperluannya.	1 laporan
2.	Penampilan Audit Pengurusan Kewangan di Pejabat Cawangan / Zon	Memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan teratur, mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan serta rekod diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	2 lokasi
3.	Pengauditan Mengejut Di Pejabat Cawangan / Zon	Merupakan satu pendekatan Audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Audit bagi menilai sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jaga / seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.	1 lokasi
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Audit FINAS (JKA)	Memastikan Mesyuarat JKA diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3/1998. Nota: Mesyuarat Khas diadakan bagi membincangkan Penyata Kewangan Tahun 2018 sebelum diluluskan dan dibawa ke Mesyuarat Perbadanan.	4 mesyuarat tetap 4 mesyuarat khas

BIL.	PERKARA	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN 2019
5.	Pemeriksaan Buku Perkhidmatan	Memastikan Rekod Buku Perkhidmatan semua Penjawat FINAS telah dikemas kini dengan lengkap.	1 laporan
6.	Pengauditan Khas / Auditn Siasatan / Arahan Pengurusan Tertinggi	Aktiviti yang dijalankan adalah berdasarkan arahan daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Ahli Perbadanan, pengurusan tertinggi atau cabutan dari minit mesyuarat yang dibangkitkan .	3 laporan
7.	Pengauditan / Pemeriksaan Susulan	<p>Memastikan perkara-perkara yang telah dipersetujui untuk diambil tindakan pembetulan telah dilakukan oleh pihak pengurusan yang diaudit (Auditi) seperti mana yang telah dinyatakan dalam laporan audit asal.</p> <p>Audit susulan biasanya dijalankan selepas 6 bulan laporan audit dibentangkan dalam mesyuarat JKA.</p>	3 laporan
8.	Laporan Tahunan UAD 2018	Menyediakan laporan tahunan Audit dalam untuk diedarkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan YBhg. Dato' KSU KKMM.	1 laporan
9.	Laporan Sukuan UAD 2019	Melaporkan aktiviti UAD FINAS secara sukuan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan YBhg. Dato' KSU Kementerian.	4 laporan
10.	Rancangan Audit Tahunan 2020	Menyediakan Rancangan Audit Tahun 2020 untuk kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif dan Mesyuarat JKA.	Telah diluluskan
11.	Khidmat Nasihat / Pertanyaan Audit / Aduan	Pihak Audit akan memberi pandangan atau cadangan berkaitan prosedur dan peraturan Kerajaan hasil daripada aduan atau pertanyaan secara bertulis oleh pegawai FINAS.	30 pertanyaan / aduan secara bertulis
12.	Pemantauan Perolehan	Pemantauan secara berkala ke atas beberapa Jawatankuasa yang melibatkan perolehan bagi memastikan tatacara perolehan Kerajaan dipatuhi.	4 laporan
13.	Lain-Lain Aktiviti	Pihak Audit juga diminta untuk memberi taklimat / ceramah yang berkaitan pengurusan kewangan tentang penemuan Audit seperti elauan, perolehan dan aset.	3 kali
KESELURUHAN AKTIVITI / PELAPORAN			62

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI



Aktiviti Pengauditan Pengurusan Aset Alih di Ibu Pejabat FINAS dan FINAS Petaling Jaya Tahun 2019



Sesi Kunjungan Hormat Pengurusan Tertinggi FINAS ke Pejabat Timbalan Ketua Audit Negara pada 7 Mei 2019



Sesi Mesyuarat Jawatankuasa Audit FINAS Sepanjang Tahun 2019

UNIT INTEGRITI



UNIT INTEGRITI

LATAR BELAKANG

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 iaitu Penubuhan Unit Integriti Di Semua Agensi Awam bertujuan memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan untuk menubuhkan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan patriotis di semua agensi awam.

Berikutnya itu, waran perjawatan Unit Integriti FINAS telah diluluskan pada 13 April 2015 dan mula beroperasi pada tahun tersebut.

OBJEKTIF UNIT

- i. Memastikan warga FINAS mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotism;
- ii. Membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan warga FINAS;
- iii. Memastikan pematuhan warga FINAS terhadap dasar, undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- iv. Memantapkan amalan nilai-nilai murni melalui tindakan kesedaran (*awareness*) dan pendidikan.

FUNGSI UNIT

i. PENGURUSAN ADUAN

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;

ii. PENGESANAN DAN PENGESAHAN

- Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
- Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;

iii. TATATERTIB

Melaksanakan fungsi keurusetiaan Lembaga Tatatertib;

iv. PENGUKUHAN INTEGRITI

Memastikan pembudayaan,penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;

v. PEMATUHAN

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan

vi. TADBIR URUS

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.

SENARAI AKTIVITI/ PROGRAM 2019

BIL.	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH & MASA	LOKASI	PENERANGAN
1.	Lawatan Rasmi Ketua Pegawai Eksekutif FINAS ke Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26 Jun 2019	Ibu Pejabat SPMR, Putrajaya	Sesi suai kenal pengurusan tertinggi FINAS bersama pegawai-pegawai SPMR dan lawatan ke seluruh ibu pejabat SPMR.
2.	Kursus Pengurusan Tatatertib	10-12 Julai 2019	Klana Resort Seremban, Negeri Sembilan	Kursus yang dianjurkan bagi memberi kesedaran dan kepentingan tindakan tatatertib serta kesannya kepada penjawat awam.
3.	Kursus Pemantapan Pegawai Integriti	6-8 Ogos 2019	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, Kuala Lumpur	Penglibatan pegawai-pegawai Integriti dalam pengurusan dan pentadbiran Unit Integriti.
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib	14 Ogos 2019	FINAS Hulu Kelang	Tindakan tatatertib diambil bagi penjawat yang melanggar tatakelakuan mengikut Akta 605.

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI / PROGRAM



Sesi bergambar bagi lawatan rasmi Ketua Pegawai Eksekutif FINAS ke Ibu Pejabat SPRM pada 26 Jun 2019 di Putrajaya



Sesi bergambar para peserta bersama penceramah Kursus Pengurusan Tatatertib pada 10-12 Julai 2019
di Klana Resort Seremban, Negeri Sembilan



UNIT MEDIATHEQUE



LATAR BELAKANG

- Mediatheque FINAS ditubuhkan untuk merekod, menyimpan dan menyediakan akses bahan kandungan kreatif serta maklumat sejarah dunia perfileman negara.
- Semua koleksi ini adalah untuk kegunaan FINAS, agensi-agensi kerajaan dan orang awam.

OBJEKTIF BAHAGIAN / UNIT

Mendokumentasikan segala perolehan secara sistematis, mengendali dan menyediakan akses bahan kandungan kreatif audio visual serta maklumat sejarah dunia perfileman Negara.

Skop Kerja Bahagian / Unit

- Menyampaikan maklumat khazanah audio visual dan maklumat sejarah dunia perfileman dengan lebih sistematis dan berkesan.
- Meningkatkan kesedaran orang awam tentang isu-isu perkembangan kandungan kreatif negara.
- Memberi pendedahan kepada orang awam dalam penggunaan teknologi media Interaktif dan semasa.
- Memudahkan akses maklumat berkaitan khazanah audio visual negara kepada orang awam.

FUNGSI BAHAGIAN / UNIT

i. Mediatheque

- Pembangunan Prasarana Ilmu dan Maklumat
- Mempromosi Bahan Koleksi dan Perkhidmatan
- Penyediaan dan Memperkayakan Koleksi
- Mendokumentasi dan Menyediakan Perkhidmatan Rujukan

ii. *Museum of Moving Images (MOMI)*

- Pembangunan Prasarana Koleksi
- Mempromosi Bahan Koleksi dan Perkhidmatan
- Penyediaan dan Memperkayakan Koleksi
- Mendokumentasi dan Menyediakan Perkhidmatan Rujukan

Jumlah Bajet diluluskan 2019 (RM/Juta)

- RM42,100.00

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BAHAGIAN / UNIT

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	SASARAN 2019	PENCAPAIAN 2019
1.	Program pameran dan jalinan kerjasama dengan industri	60	71
2.	Jumlah Pengunjung / pelawat / taklimat ke Mediatheque & MOMI	9600	11349
3.	Memperkayakan koleksi rujukan : 1. Buku 2. Majalah 3. Dokumentari /cerea 4. Liputan peristiwa arkib 5. Keratan akhbar	100 200 200 300 2100	57 174 157 194 1970
4.	Menyediakan perkhidmatan rujukan, akses bahan & sirkulasi koleksi kandungan kreatif	1180	2390

SENARAI AKTIVITI / PROGRAM 2019

BIL.	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH & MASA	LOKASI	PENERANGAN
1.	Lawatan bersama Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan FINAS ke Mediatheque & MOMI	3 Januari 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
2.	Lawatan daripada Ahli Lembaga FINAS	12 Februari 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
3.	Lawatan Berpandu Pegawai Lantikan Baru FINAS ke Mediatheque & MOMI	18 Februari 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
4.	Sesi Perbincangan Kerjasama & Sinergi Pelaksanaan Program Warisan Audio-Visual Bagi Tahun 2019-2020	21 Februari 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
5.	Prebiu Bahan Kandungan Kreatif Bersama Pegawai dari ASWARA	22 Februari 2019	FINAS Petaling Jaya	Prebiu Bahan
6.	Lawatan Berpandu ke Fasiliti Makmal Filem/Mediatheque & MOMI	25 Februari 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
7.	Temubual Dokumentari dari Kolej Tinggi Mara Rembau, Negeri Sembilan	4 Mac 2019	FINAS Petaling Jaya	Temubual
8.	Kursus Komunikasi dan Hebahan Di Lapangan Unit Mediatheque	11-12 Mac 2019	FINAS Petaling Jaya	Kursus
9.	Sesi Perbincangan Program Imbas Kembali bersama Jawatankuasa Pameran	11 Mac 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
10.	Lawatan Sambil Belajar dari Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan	14 Mac 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
11.	Lawatan dari Arkib Negeri Sabah	18 Mac 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
12.	Program Pameran Imbas Kembali 2019	23 Mac 2019	FINAS Hulu Kelang	Pameran
13.	Program Pameran Sempena Malam Anugerah Festival Filem Malaysia (FFM-30)	30 Mac 2019	PICC, Putrajaya	Pameran
14.	Program Pameran Sempena Majlis Makan Malam "Ladies Nite" tahun 2019 PUSPANITA Kebangsaan	1 April 2019	Dewan Sri Endon, Putrajaya	Pameran

BIL.	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH & MASA	LOKASI	PENERANGAN
15.	Temubual dan Penyelidikan dari pelajar UiTM Puncak Alam, Selangor	5 April 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
16.	Lawatan dari Persatuan Artis Pelapis Malaysia (PELAPIS)	16 April 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
17.	Lawatan Akademik/Bina Sinergi Industri dari UiTM Shah Alam, Selangor	18 April 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
18.	Temujanji Demo Media Asset Management (MAM) - CATDV System oleh pihak Prinsipal	18 April 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
19.	Lawatan Akademik/Bina Sinergi Industri dari UTM Segamat, Johor	18 April 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
20.	Program Pameran Jom Membaca bersama 10 minit peringkat KKMM	23 April 2019	KKMM, Putrajaya	Pameran
21.	Program Pameran Sempena Asean International Film Festival & Awards 2019	25-27 April 2019	Kuching, Sarawak	Pameran
22.	Lawatan Sinergi Ilmu daripada UniMap Perlis	26 April 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
23.	Lawatan Sinergi Ilmu daripada Kelab Malaysiaku JaPen Wilayah Kuala Lumpur	30 April 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
24.	Lawatan Kerja daripada INTAN	6 Mei 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
25.	Lawatan daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kelantan	16 Mei 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
26.	Lawatan Kerja daripada MRCB	17 Mei 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
27.	Lawatan Sambil Belajar daripada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan	30 Mei 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
28.	Lawatan Sambil Belajar dari SMK Bukit Bintang (L) Petaling Jaya, Selangor	19 Jun 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan

BIL.	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH & MASA	LOKASI	PENERANGAN
29.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	26 Jun 2019	SMK Meru Klang, Selangor	Pameran
30.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	27 Jun 2019	SK Pulau Meranti Puchong	Pameran
31.	Lawatan Penyelidikan Bahan Sejarah Bernilai Negara dan Pelan Restorasi Digital dari RTM	28 Jun 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
32.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	2 Julai 2019	SK Kota Warisan, Sepang	Pameran
33.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	3 Julai 2019	SK Taman Desa, Bandar Country Homes, Rawang	Pameran
34.	Lawatan Sinergi Industri daripada Arkib Negeri Sabah	3 Julai 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
35.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	4 Julai 2019	SMK Taman Ehsan, Kuala Lumpur	Pameran
36.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	9 Julai 2019	SK Kuang, Rawang	Pameran
37.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	10 Julai 2019	SK Salak, Sepang	Pameran
38.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	16 Julai 2019	SMK Setia Alam, Shah Alam	Pameran
39.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	17 Julai 2019	SMK Bandar Baru Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang, Selangor	Pameran
40.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	18 Julai 2019	SMK Jln Kebun, Shah Alam	Pameran
41.	Program Pameran MMM Short Film Contest 2019	20 Julai 2019	Banquet Hall, Shah Alam	Pameran

BIL.	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH & MASA	LOKASI	PENERANGAN
42.	Program Pameran Kembara Digital Malaysia (KDM) 2019 Anjuran KKMM	27-28 Julai 2019	Perak	Pameran
43.	Lawatan Sinergi Industri FINAS bersama MSU Shah Alam	1 Ogos 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
44.	Program Pameran Caring Bridge Sempena Pelancaran Bulan Kemerdekaan & Jalur Gemilang	2-4 Ogos 2019	Dataran Pahlawan, Melaka	Pameran
45.	Lawatan Sinergi Ilmu daripada Institut Kemahiran Tinggi PERDA (Perda-Tech) Nibong Tebal, Pulau Pinang	8 Ogos 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
46.	Program Pameran MyMerdeka Mydin Mall	16-18 Ogos 2019	Subang Jaya, Selangor	Pameran
47.	Lawatan Sinergi Ilmu daripada Kolej Kemahiran Tinggi Mara Rembau, Negeri Sembilan	20 Ogos 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
48.	Lawatan Sinergi Industri daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Selangor	22 Ogos 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
49.	Program Pameran Minggu Usahawan Nasional 2019	29 Ogos - 1 Sept 2019	MAEPS, Serdang	Pameran
50.	Program Pameran Sempena Perhimpunan Bulanan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	5 Sept 2019	Kompleks JPA, Putrajaya	Pameran
51.	Program Pameran MyMerdeka Mydin Mall	6-8 Sept 2019	Bukit Mertajam	Pameran
52.	Program Pameran MyMerdeka Mydin Mall	13-15 Sept 2019	Seremban	Pameran
53.	Program Pameran MyDigitalMaker FAIR 2019	14-15 Sept 2019	MITEC, KL	Pameran
54.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	28 Sept 2019	Coachrane, KL	Pameran
55.	Lawatan Sinergi Industri FINAS bersama University of South Australia	1 Okt 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
56.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	4 Okt 2019	Sri Kota, Cheras	Pameran

BIL.	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH & MASA	LOKASI	PENERANGAN
57.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	5 Okt 2019	Sri Pantai, KL	Pameran
58.	Program Pameran Open Day Anjuran Perbadanan Putrajaya	5 Okt 2019	KKMM, Putrajaya	Pameran
59.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	11 Okt 2019	Desa Rejang	Pameran
60.	Program Pameran Sepakat@ Komuniti Peringkat Negeri Pahang anjuran JaPen Pahang dengan kerjasama KKMM	11-13 Okt 2019	Jerantut, Pahang	Pameran
61.	Lawatan Sinergi Industri FINAS bersama Industri Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kuala Langat, Selangor	14 Okt 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
62.	Program Pameran Sempena Sambutan Bulan Sukan Negara Peringkat KKMM	19 Okt 2019	KKMM, Putrajaya	Pameran
63.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	25 Okt 2019	Kuala Lumpur	Pameran
64.	Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio-Visual 2019	26 Okt 2019	Kuala Lumpur	Pameran
65.	Lawatan Sinergi Industri FINAS bersama Industri Latihan Perindustrian (ILP), Kuala Langat, Selangor	14 Nov 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
66.	Lawatan Sinergi Industri FINAS bersama UiTM Segamat, Johor	21 Nov 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
67.	Program Pameran Kembara Digital Malaysia (KDM) 2019 Anjuran KKMM	23-24 Nov 2019	Kuala Pilih, Negeri Sembilan	Pameran
68.	Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kementerian Pertahanan Malaysia	27 Nov 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan Kerja
69.	Lawatan Akademik Berbentuk Latihan Praktikal Sehari Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod	28 Nov 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
70.	Lawatan Sinergi Industri dan Integrasi Ilmu daripada Universiti Kuala Lumpur	10 Dis 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan
71.	Lawatan Sinergi Industri dan Integrasi Ilmu daripada Kumpulan Muslimah Hulu Langat, Selangor	17 Dis 2019	FINAS Petaling Jaya	Lawatan

LAPORAN AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2019

Mediatheque merupakan pusat maklumat yang memfokuskan 4 teras utama iaitu pembangunan prasarana koleksi ilmu, mempromosikan bahan koleksi dan perkhidmatan, penyediaan dan memperkayakan koleksi serta mendokumentasi dan menyediakan perkhidmatan rujukan bahan kandungan kreatif sebagai warisan / khazanah negara.

Bahan-bahan audio visual dalam pelbagai format yang disimpan dalam bilik kawalan ‘film vault’ adalah bernilai sejarah dan merupakan aset khazanah Negara. Sehingga Disember 2019, bahan audio visual bagi koleksi Dokumentari / Treler / Cereka adalah sebanyak 4,276 tajuk (1,300 jam) dan koleksi Liputan Arkib sebanyak 6,798 liputan (2,245 jam). Koleksi audio visual yang telah dibuat alihan format digital boleh diakses dan pratonton melalui terminal yang disediakan diruangan Mediatheque.

Selain itu, perkhidmatan rujukan lain yang boleh didapati di Mediatheque adalah seperti koleksi buku rujukan, langganan majalah tempatan dan antarabangsa, keratan akhbar tempatan berjilid berkaitan industri, laporan tahunan, gambar pegun, poster dan sebagainya.

Museum of Moving Images (MOMI) pula merupakan muzium imej bergerak pertama di rantau Asia Tenggara, yang didedikasikan khas bagi tujuan pameran dan


pembelajaran industri perfileman tempatan. Muzium ataupun galeri industri perfileman menjadi platform bagi pameran bahan sedia ada untuk masyarakat memahami tentang industri perfileman. MOMI juga menyediakan lawatan berpandu kepada pengunjung untuk menyaksikan proses produksi, pasca produksi dan restorasi bahan kandungan digital bagi memupuk minat masyarakat umum melalui pengetahuan dan pemahaman bagi proses penerbitan, pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah kandungan kreatif negara.

Sepanjang tahun 2019 jua, pelbagai aktiviti dan program melibatkan Mediatheque dan MOMI telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak. Dimaklumkan sejumlah 37 lawatan dan 34 program pameran telah berjaya diadakan bagi mencapai matlamat mendekatkan masyarakat dengan koleksi khazanah audio visual negara. Hasil dari lawatan dan program pameran yang telah diadakan ini, FINAS telah berjaya mengumpul sejumlah 11,349 pengunjung yang terdiri daripada penggiat industri, pelajar dan masyarakat. Melalui program yang telah diadakan, para pengunjung dapat lebih mengenali dengan lebih dekat FINAS sekaligus dapat menjadikan Mediatheque dan MOMI FINAS sebagai hub khazanah kandungan kreatif negara. Prasarana untuk kemudahan dan keselesaan pengguna juga telah dilaksanakan seperti bilik prebiu bahan koleksi, terminal pencarian bahan koleksi, sudut interaktif, perkhidmatan dalam talian (*online*), kemudahan internet berkelajuan tinggi (100 Mbps) dan perkhidmatan-perkhidmatan lain untuk memberikan pengalaman yang berbeza kepada pengunjung.

MAKLUMAT / DATA / STATISTIK PENCAPAIAN DALAM BENTUK JADUAL / CARTA BAR / CARTA PAI DAN LAIN-LAIN

BIL.	AKTIVITI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (TAHUNAN)				JUMLAH
		SUKUAN 1 (JAN-MAC)	SUKUAN 2 (APR-JUN)	SUKUAN 3 (JUL-SEP)	SUKUAN 4 (OKT-DIS)	
1.	Pengunjung / Pelawat	2,377	2,228	4,811	1,933	11,349
2.	Aktiviti /Pameran / Lawatan Berpandu	13	18	23	16	70 (Tempatan)
		-	-	-	1	1 (Antarabangsa)

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Mediatheque & MOMI bagi Tahun 2019



Statistik Pengunjung ke Mediatheque & MOMI bagi Tahun 2019

PROMOSI KANDUNGAN MELALUI PAMERAN

Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2019 anjuran Pusat Sumber Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia bertempat di Dewan Serbaguna Aras B1, Kompleks KKMM Putrajaya, 23 April 2019.



Booth Pameran FINAS (Mediatheque dan Penerbitan)



Pembaca dan peminjam aktif Pusat Sumber FINAS, Encik Md Hafizi b. Md Hata, Penolong Jurutera FINAS



Program Jelajah Apresiasi Warisan Audio Visual 2019 Unit Mediatheque FINAS dengan kerjasama rakan strategik World Heritage Moving Image Center (WHMIC) dan Yayasan Hasanah (milik Khazanah Nasional) disekitar sekolah-sekolah Lembah Klang



Program Pameran *Caring Bridge*, Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2019, bertempat di Dataran Pahlawan Melaka pada 2-4 Ogos 2019



‘BAYANG & WAYANG’ diusahakan barisan rakan Pelaksana iaitu Yayasan Hasanah, *World Heritage Moving Image Centre (WHMIC)*, FINAS, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (Balai Seni Negara) dan Arkib Negara Malaysia, acara ini berlangsung di Auditorium Balai Seni Negara pada 31 Oktober 2019



Program Pameran sempena Majlis Pelancaran Raikan Malaysiaku ‘My Merdeka’ bersempena Bulan Kebangsaan 2019 bertempat di Pusat Membeli Belah Mydin, Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 6-8 September 2019



Lawatan Sinergi Bina *Platform* Pembangunan Komuniti Filem FINAS, seramai 35 pelajar dari Management Science University (MSU) Shah Alam pada 1 Ogos 2019



Lawatan Sinergi Bina *Platform* Pembangunan Komuniti Filem FINAS; Program Integrasi Ilmu dan Sinergi Industri FINAS Bersama UiTM Cawangan Segamat Johor pada 28 November 2019



PENYATA KEWANGAN FINAS 2019



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM
NASIONAL MALAYSIA BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 25, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

1. Hartanah, Loji dan Peralatan – RM117,668,693

Kos Hartanah, Loji dan Peralatan (tidak termasuk tanah, tanah pajakan, tanah PTP, bangunan dan bangunan PTP) di dalam Nota 5 kepada Penyata Kewangan berjumlah RM117,668,693 pada 31 Disember 2019 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana berbeza sejumlah RM2,423,102 dengan kos aset alih dalam Sistem Pengurusan Aset Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia berjumlah RM120,091,795.

2. Pelaburan Simpanan Tetap Tidak Memperoleh Kelulusan Menteri Kewangan – RM31,683,145

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak memperoleh kelulusan Menteri Kewangan bagi pelaburannya di dalam Simpanan Tetap berjumlah RM31,683,145 seperti mana ketetapan Seksyen 18, Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244).

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Perbadanan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244). Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesaan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Perbadanan, entaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244) untuk disimpan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Perbadanan berdasarkan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan Sijil ini.

(SWAIBATUL ASLAMIAH BINTI HAJI HUSAIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
30 NOVEMBER 2020
14 RABIULAKHIR 1442 H



**PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI PERBADANAN
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**

Kami, **ZAKARIA ABDUL HAMID** dan **DATO' NORMAN ABDUL HALIM** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA** pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Perbadanan,

Bagi pihak Ahli Perbadanan,


ZAKARIA ABDUL HAMID
Pengerusi

Tarikh : **24 NOV 2020**

Kuala Lumpur


DATO' NORMAN ABDUL HALIM
Ahli

Tarikh : **24 NOV 2020**

Kuala Lumpur

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**

Saya, **AHMAD IDHAM BIN AHMAD NADZRI**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.


Sebenar dan sesungguhnya)

Diakui oleh penama di atas)

Di Petaling Jaya, Selangor.)

Pada 24 NOV 2020

AHMAD IDHAM BIN AHMAD NADZRI
710717-02-5253



Dihadapan saya,



K. H. LOW & RAYMOND TAN
Advocates & Solicitors / Peguambebu & Peguambers
No. 16, Penthouse (1st Floor), Jalan 14/14,
46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Tel: +60379557926 / H/P: +60123278572

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	Dinyatakan semula 2018 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	5	226,852,577	233,659,076
Aset tak ketara	6	1,051,469	1,165,612
Penghutang pinjaman kakitangan	7	202,083	472,088
		228,106,129	235,296,776
ASET SEMASA			
Penghutang perniagaan	8	14,686	23,736
Penghutang pelbagai	9	1,438,033	1,191,512
Deposit dan prabayar	10	141,431	170,880
Penghutang pinjaman kakitangan	7	164,893	169,578
Faedah terakru		595,687	676,593
Simpanan tetap di bank berlesen		31,683,145	93,357,690
Baki bank dan tunai	11	140,578,202	92,777,205
		174,616,077	188,367,194
JUMLAH ASET		402,722,206	423,663,970
LIABILITI SEMASA			
Pembiayaan operasi		360,776	360,776
Pembiayaan pelbagai dan akruan	12	743,889	806,502
Peruntukan manfaat kakitangan	13	265,096	300,000
Peruntukan cukai		497,299	1,152,834
		1,867,060	2,620,112
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Liabiliti cukai tertunda	14	972,342	972,342
Deposit filem	15	16,925,400	17,655,100
Peruntukan manfaat kakitangan	13	2,192,854	2,186,964
Deposit pelupusan harta		2,547	-
Kumpulan wang pembangunan	16	105,814,659	125,069,985
